

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI PAHANG
SIRI 2**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

NEGERI PAHANG SIRI 2

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN


vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
	JABATAN KERJA RAYA
3	Pengurusan Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran Dan Bera
	BADAN KAWAL SELIA AIR
24	Pengurusan Kawal Selia Sumber Air
	MAJLIS DAERAH PEKAN
	MAJLIS DAERAH RAUB
	MAJLIS DAERAH BERA
51	Pengurusan Perolehan
	MAJLIS PERBANDARAN BENTONG
	MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
67	Pengurusan Perolehan
85	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
3. Saya berharap laporan ini yang mengandungi kajian Audit terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan dan 6 Agensi Kerajaan Negeri Pahang akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
25 September 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH DAN JABATAN KERJA RAYA

- Pengurusan Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran Dan Bera

1.1. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) telah ditubuhkan bagi memastikan segala permasalahan yang berkaitan Perundangan Syariah dan Kekeluargaan Islam di Negeri Pahang dapat diselesaikan dengan cara terbaik mengikut hukum syarak yang berpandukan Al-Quran dan Hadis. Bagi melicinkan tugas dan fungsinya, JKSP telah menubuhkan 13 Mahkamah Rendah Syariah di daerah. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan siling RM7 juta bagi setiap pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran (KMRSB) dan Bera (KMRSB) secara tender terbuka. Objektif pembinaan Kompleks ini adalah untuk memenuhi keperluan dan keselesaan kepada kakitangan dan orang awam untuk berurusan. JKSP telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pahang sebagai agensi pelaksana bagi projek ini pada 14 Mac 2012. Pengarah JKR Negeri Pahang (Pegawai Penguasa) telah melantik pegawai daripada Bahagian Bangunan JKR Negeri, Bahagian Arkitek JKR Negeri, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan JKR Negeri, Jurutera Daerah, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal dan Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR Negeri sebagai wakil Pegawai Penguasa bagi memantau projek. Projek pembinaan merangkumi skop kerja membina satu blok bangunan mahkamah 2 tingkat; rumah pam; sub-stesen TNB; pondok pengawal; landskap serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada Mac hingga Jun 2016 mendapati pengurusan projek pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran (KMRSB) dan Bera (KMRSB) adalah baik daripada segi proses pelantikan kontraktor utama, pengurusan wang jaminan pelaksanaan, insurans serta pengenaan denda dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Pembinaan lewat disiapkan selama 491 hari bagi projek KMRSB dan 550 hari bagi projek KMRSB daripada tarikh siap asal.
- Reka bentuk pembinaan yang kurang sesuai dan kerja tidak mengikut spesifikasi.
- Beberapa aspek pentadbiran kontrak kurang memuaskan.

1.3. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek lain, pihak Audit mengesyorkan supaya JKR dan JKSP memberi perhatian berikut:

1.3.1. Pihak JKR hendaklah memuktamadkan pelan susun atur bangunan dengan Jabatan Pelanggan sebelum tawaran projek dibuat bagi mengelakkan perubahan skop kerja semasa projek sedang berjalan.

1.3.2. Memastikan pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dibuat secara berterusan supaya kerja yang dilaksanakan menepati spesifikasi dan berkualiti.

2. BADAN KAWAL SELIA AIR

- Pengurusan Kawal Selia Sumber Air

2.1. Perlembagaan Persekutuan menetapkan sumber air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Enakmen Sumber Air 2007 digubal selaras dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang yang ke-20/2008 pada 25 Jun 2008 telah bersetuju bahawa Enakmen Sumber Air 2007 dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008 untuk mengawal, mengurus dan menyelaras sumber air di Negeri Pahang. Susulan daripada itu, MMK Pahang ke-31/2008 pada 24 September 2008 telah bersetuju melantik Setiausaha Kerajaan Pahang sebagai Pengarah Sumber Air manakala Badan Kawal Selia Air (BKSA) merupakan agensi pelaksana Enakmen tersebut. Objektif BKSA ditubuhkan adalah untuk memastikan sumber air dan alam persekitarannya berada di dalam keadaan yang terpelihara dan mampan bagi menyokong pembangunan sosioekonomi negeri yang sentiasa berdaya maju. Bidang kuasa BKSA berdasarkan Enakmen dapat dirumuskan kepada pengurusan, pengawalan dan penyelarasan sumber air dan mutu air; pengurusan kawasan tadahan air secara bersepadu; pelesenan dan penguatkuasaan. Pengurusan sumber air di Negeri Pahang melibatkan pelbagai pihak seperti Jabatan Perhutanan (JPNP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Pejabat Tanah Dan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Antara tanggungjawab yang dilaksanakan seperti memantau penggunaan dan kualiti sumber air serta menjalankan perancangan, penyelidikan dan pengurusan maklumat yang bersepadu di dalam pengurusan sumber air dan lembangan sungai.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Jun 2016 mendapati pengurusan hasil caj air mentah adalah kurang memuaskan dengan kutipan royalti bagi tempoh 2013 hingga 2015 hanya berjumlah RM4.72 juta. Selain itu, purata Indeks Kualiti Air (IKA) di 5 lembangan sungai berada dalam kategori Bersih manakala 4 lembangan berada di dalam kategori Sederhana Tercemar. Beberapa kelemahan perlu diberi perhatian seperti berikut:

- BKSA belum melaksanakan kajian kecukupan kuantiti air mentah Negeri Pahang.
- Keluasan kawasan Hutan Tadahan Air hanya 243,436.83ha atau 15.6% daripada keluasan Hutan Simpan Kekal seluas 1,562,900.05ha.

- Pengenaan Lesen Penggunaan Sumber Air terhadap aktiviti pengambilan pasir belum dilaksanakan.
- Enakmen Sumber Air 2007 tidak dilaksanakan secara menyeluruh.

2.3. Bagi memastikan pengurusan Kawal Selia Air dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan adalah disyorkan BKSA dan jabatan serta agensi yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.3.1. BKSA perlu melaksanakan Enakmen Sumber Air 2007 secara menyeluruh supaya pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab BKSA dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan berupaya untuk menambah pungutan hasil kepada Kerajaan Negeri Pahang.

2.3.2. Memandangkan berlakunya permintaan air disebabkan pembangunan dan perubahan cuaca, BKSA hendaklah giat berusaha untuk meningkatkan kapasiti storan, menerokai secara aktif sumber alternatif dan mempercepatkan pelaksanaan projek yang dicadangkan dalam Kajian Sumber Air Negara untuk memastikan ketersediaan bekalan sumber air yang mencukupi khususnya semasa musim kering.

2.3.3. JPNP perlu melaksanakan pewartaan Hutan Tadahan Air secara menyeluruh bagi memastikan kawasan tersebut terpelihara dan meningkatkan keberkesanan pemantauan serta penguatkuasaan di samping mengelakkan pencerobohan dan pencemaran.

3. MAJLIS DAERAH PEKAN MAJLIS DAERAH RAUB MAJLIS DAERAH BERA - Pengurusan Perolehan

3.1. Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan adalah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui tender, sebut harga atau lantikan terus. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis.

3.2. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, Majlis Daerah Pekan (MDP), Majlis Daerah Raub (MDR) dan Majlis Daerah Bera (MDB) telah melaksanakan perolehan yang dibuat sama ada secara tender, sebut harga dan lantikan terus. Kos perbelanjaan yang terlibat sepanjang tempoh tersebut berjumlah RM86.98 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 15 perolehan berjumlah RM14.09 juta telah dilaksanakan melalui tender manakala sebanyak 373 perolehan yang berjumlah RM68.30 juta dibuat melalui sebut harga dan sebanyak 255 perolehan lagi dibuat melalui lantikan terus yang berjumlah RM4.59 juta.

3.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April 2016 hingga Julai 2016 mendapati secara keseluruhan pengurusan perolehan di MDP, MDR dan MDB adalah memuaskan. Sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi berkaitan perolehan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Manakala, Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender, Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender juga diwujudkan di MDP, MDR dan MDB. Selain itu, MDB telah mengenakan Denda Lewat atau *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) kepada kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, didapati wujud beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Pelaksanaan *Integrity Pact* tidak secara menyeluruh di MDR dan MDB.
- Kompleks Pelancongan Tasek Bera, dewan konvensyen dan arked niaga di MDB masih belum disiapkan walaupun lanjutan masa telah diberikan.
- Rumah kedai dan bangunan IKS di MDP tidak digunakan.
- Lima buah dewan di MDR tidak disenggarakan dengan sempurna.

3.4. Bagi memastikan perolehan PBT dapat dilaksanakan dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat serta kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang lagi pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya MDP, MDR dan MDB mengambil tindakan berikut:

3.4.1. Meningkatkan pemantauan setiap perolehan semasa pelaksanaan kerja oleh kontraktor/pembekal supaya kerja disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor/pembekal yang gagal berbuat demikian termasuk menyenaraihitamkan kontraktor/pembekal yang terlibat.

3.4.2. Memastikan semua projek yang dilaksanakan perlu dimanfaatkan dan disenggarakan secara berkala agar tidak berlaku pembaziran wang Kerajaan.

4. MAJLIS PERBANDARAN BENTONG MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS - Pengurusan Perolehan

4.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berfungsi dalam mengatur, mengawal dan merancang pembangunan serta kegunaan tanah dan bangunan dalam kawasan tadbirnya. Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis. Pada tahun 2013 hingga 2015, Majlis Perbandaran Bentong (MPB) dan Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) telah menjalankan perolehan kerja sebanyak 297, 263 dan 4 masing-masing secara lantikan terus, sebut harga dan tender dengan jumlah keseluruhan perolehan RM54.28 juta.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei 2016 hingga Julai 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di MPB dan MDCH adalah memuaskan. Pelaksanaan perolehan telah dijalankan mengikut Kaedah Perolehan Kerajaan (PK 2) yang berkuat kuasa. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Tempoh lanjutan masa yang diluluskan terlalu lama.
- Tempoh tanggungan kecacatan yang singkat.
- Bon Pelaksanaan dilepaskan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat dan denda lewat tidak dikenakan di MDCH.
- Perolehan kerja tidak mencapai matlamat, tidak mengikut spesifikasi, tidak sempurna dan tidak boleh digunakan sepenuhnya.

4.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan, MPB dan MDCH disyorkan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

4.3.1. Memastikan proses perolehan sentiasa dibuat dengan teratur dan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan serta mengawal tempoh lanjutan masa yang diluluskan dan meneliti setiap alasan yang diberikan oleh kontraktor supaya tempoh penyiapan projek dipatuhi.

4.3.2. Memantau kerja yang dilakukan sepanjang tempoh tanggungan kecacatan serta tidak melepaskan Bon Pelaksanaan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat bagi memastikan kontraktor bertanggungjawab untuk membaik pulih.

4.3.3. Membuat perancangan yang teliti bagi memastikan setiap perolehan yang dibuat dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang ditetapkan.



AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH

JABATAN KERJA RAYA

1. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS MAHKAMAH RENDAH SYARIAH MARAN DAN BERA

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) telah ditubuhkan bagi memastikan segala permasalahan yang berkaitan Perundangan Syariah dan Kekeluargaan Islam di Negeri Pahang dapat diselesaikan dengan cara terbaik mengikut hukum syarak yang berpandukan Al-Quran dan Hadis. Bagi melicinkan tugas dan fungsinya, JKSP telah menubuhkan 13 Mahkamah Rendah Syariah di daerah.

1.1.2. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan siling RM7 juta bagi setiap pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran (KMRSM) dan Bera (KMRSB) secara tender terbuka. Objektif pembinaan Kompleks ini adalah untuk memenuhi keperluan dan keselesaan kepada kakitangan dan orang awam untuk berurusan. JKSP telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pahang sebagai agensi pelaksana bagi projek ini pada 14 Mac 2012. Pengarah JKR Negeri Pahang (Pegawai Penguasa) telah melantik pegawai daripada Bahagian Bangunan JKR Negeri, Bahagian Arkitek JKR Negeri, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan JKR Negeri, Jurutera Daerah, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal dan Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR Negeri sebagai wakil Pegawai Penguasa bagi memantau projek. Projek pembinaan merangkumi skop kerja membina satu blok bangunan mahkamah 2 tingkat; rumah pam; sub-stesen TNB; pondok pengawal; landskap serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik. Butiran projek seperti **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Butiran Kontrak

Bil.	Butiran	Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran	Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Bera
1.	Tarikh Kontrak	13.12.2013	25.11.2013
2.	Tempoh Kontrak	76 minggu	70 minggu
3.	Tarikh Milik Tapak	02.09.2013	19.08.2013
4.	Tarikh Siap Asal	15.02.2015	21.12.2014
5.	Tarikh Siap Mengikut SA	06.02.2016	07.03.2016
6.	Tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja	20.06.2016	23.06.2016
7.	Kos Asal Kontrak	RM5.92 juta	RM5.99 juta
8.	Kos ATDA Semasa	RM6.98 juta	RM6.99 juta
9.	Kadar LAD Sehari yang dikenakan	RM1,072.00	RM1,084.70
10.	Jumlah LAD yang dikenakan	RM144,720	RM114,147.60
11.	Kedudukan Terkini Projek (30 Jun 2016)	100%(Fizikal)	100%(Fizikal)
		98.4% (Kewangan)	92.2 % (Kewangan)

Sumber: JKR Negeri Pahang

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran dan Bera yang meliputi tempoh pra pembinaan dan semasa pembinaan sehingga Jun 2016. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen yang berkaitan dengan perancangan projek di Jabatan Pelaksana dan Jabatan Pelanggan. Semakan dibuat terhadap fail dan dokumen seperti Laporan Kajian Kemungkinan, fail tender, fail proses pemilihan kontraktor, pengurusan dan pemantauan projek. Selain itu, semakan Audit juga ditumpukan kepada fail kontrak, minit mesyuarat tapak, buku harian tapak, dokumen kontrak serta pengurusan dan pemantauan projek. Temu bual dan lawatan bersama pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan projek turut dilakukan bagi mendapatkan penjelasan sebenar serta melihat sendiri kedudukan dan kualiti projek. *Exit Conference* bersama Pengarah JKR Negeri Pahang, wakil Ketua Hakim Mahkamah Syariah Negeri, Jurutera Daerah Maran dan Bera serta pegawai-pegawai yang berkenaan telah diadakan pada 1 Ogos 2016 bagi mendapatkan maklum balas mengenai perkara berbangkit.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada Mac hingga Jun 2016 mendapati pengurusan projek pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran (KMRSB) dan Bera (KMRSB) adalah baik dari segi proses pelantikan kontraktor utama, pengurusan wang jaminan pelaksanaan, insuran serta pengenaan denda dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Pembinaan lewat disiapkan selama 491 hari bagi projek KMRSB dan 550 hari bagi projek KMRSB daripada tarikh siap asal.
- Reka bentuk pembinaan yang kurang sesuai dan kerja tidak mengikut spesifikasi.
- Beberapa aspek pentadbiran kontrak kurang memuaskan.

1.4.1. Prestasi Projek

1.4.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut kontrak, projek pembinaan KMRSB dan KMRSB perlu disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan daripada milik tapak iaitu masing-masing 76 dan 70 minggu. Semakan Audit mendapati kedua-dua projek pembinaan Kompleks ini telah

diberi 4 lanjutan masa dan sepatutnya siap pada 6 Februari 2016 bagi projek KMRSM dan 7 Mac 2016 bagi projek KMRSB. Bagaimanapun, kontraktor tidak dapat menyiapkan projek pada tarikh tersebut dan Perakuan Tidak Siap Kerja telah dikeluarkan. Projek KMRSM hanya dapat disiapkan pada 20 Jun 2016 setelah mendapat 4 Lanjutan Masa selama 356 hari. Manakala projek KMRSB dapat disiapkan pada 23 Jun 2016 setelah mendapat kelulusan 4 Lanjutan Masa selama 442 hari. Ganti Rugi Yang Ditentukan Dan Ditetapkan [*Liquidated Ascertained Damages* (LAD)] telah dipotong daripada bayaran interim berjumlah RM144,720 ke atas kontraktor pembinaan KMRSM dan RM117,147.60 ke atas kontraktor pembinaan KMRSB. Butiran lanjut seperti **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Lanjutan Masa (EOT) Yang Diluluskan

Nama Projek	Perkara	Tempoh Lanjutan Masa	Sebab Lanjutan Masa
KMRSM Tarikh Asal Sepatut Siap 15.02.2015	EOT 1	16.02.2015 - 05.07.2015 (140 hari)	1. Keadaan hujan lebat dan banjir.(41 hari) 2. Perubahan lukisan reka bentuk dan kelewatan menerima lukisan pembinaan bagi bilik kebal, lokap lelaki dan wanita, aliran longkang dan <i>compact sub station</i> . (60 hari) 3. Tambahan kerja bagi pembinaan <i>trenching</i> untuk kabel TNB dan tambahan kerja bagi keperluan untuk ke bilik suis.(39 hari)
	EOT 2	06.07.2015 - 07.11.2015 (125 hari)	1. Perubahan dan pindaan lukisan reka bentuk dan kelewatan menerima lukisan di ruang masuk utama, ruang tangga, spesifikasi pintu dan tingkap, susun atur perabot di Dewan Bicara, susun atur ruang pejabat dan kerja tambahan di ruang tangki. (92 hari) 2. Perubahan discaj bagi longkang belakang bangunan dan pertambahan kerja bagi longkang dan takungan.(33 hari)
	EOT 3	08.11.2015 - 31.12.2015 (54 hari)	1. Kelewatan kelulusan bahan Dinding Akustik. (14 hari) 2. Perubahan reka bentuk siling <i>plaster</i> bagi <i>foyer</i> . (14 hari) 3. Kelewatan menerima <i>method of statement</i> bagi tempat penyaman udara. (26 hari)
	EOT 4	01.01.2016 - 06.02.2016 (37 hari)	1. Perubahan reka bentuk pada <i>tempered glass</i> pada bukaan <i>arch</i> di keseluruhan <i>corridor</i> dan tapak alat pembesar suara di bilik bicara.(29 hari) 2. Perubahan reka bentuk siling <i>foyer</i> disebabkan terdapat <i>fitting</i> elektrik yang terdedah di kawasan <i>L box</i> . (8 hari)
KMRSB Tarikh Asal Sepatut Siap 21.12.2014	EOT 1	22.12.2014 - 28.02.2015 (69 hari)	1. Kelewatan menutup jalan pintas sedia ada yang berada di kawasan tapak bina. (16 hari) 2. Pertukaran kaedah cerucuk dari <i>Hydraulic Hammer</i> kepada kaedah <i>Jack-in</i> . (53 hari)
	EOT 2	01.03.2015 - 19.06.2015 (111 hari)	1. Kelewatan bayaran Interim ke - 4.
	EOT 3	20.06.2015 - 02.12.2015 (166 hari)	1. Perubahan <i>drawing</i> untuk kerja-kerja bilik kebal dan lokap. (48 hari) 2. Banjir menyekat laluan keluar masuk. (11 hari) 3. Penghantaran barang daripada pembekal ditangguhkan kerana menunggu pelaksanaan GST. (33 hari) 4. Kontraktor lewat dilantik untuk kerja perabot dalaman. (74 hari)

Nama Projek	Perkara	Tempoh Lanjutan Masa	Sebab Lanjutan Masa
	EOT 4	03.12.2015 - 07.03.2016 (96 hari)	1. Pindaan susun atur laluan air dari longkang bangunan ke saliran air akhir sedia ada. (61 hari) 2. Kelulusan bahan karpet dan pintu kebal lewat diterima. (20 hari) 3. Perubahan kerja untuk cadangan rasuk keluli untuk sokongan sistem penyaman udara jenis <i>ducting</i> . (15 hari)

Sumber: JKR Negeri Pahang

- b. Semakan Audit mendapati faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan penyediaan kerja adalah disebabkan kelemahan semasa perancangan projek dan reka bentuk bangunan. Penjelasan lanjut mengenai sebab utama lanjutan masa seperti berikut :

i. Perubahan Reka Bentuk

- Perkara yang dibenarkan untuk tempoh lanjutan siap kerja di bawah Klausula Kontrak 43.1(e) ialah arahan Pegawai Penguasa yang dikeluarkan di bawah Fasal 5. Semakan Audit mendapati perubahan reka bentuk yang terlibat di KMRSB adalah perubahan pembinaan bagi bilik kebal, lokap lelaki dan wanita, aliran longkang dan *compact substation*, ruang masuk utama, ruang tangga, spesifikasi pintu dan tingkap, susun atur perabot di dewan bicara, susun atur ruang pejabat, siling *plaster* bagi *foyer*; *tempered glass* pada bukaan *arch* pada keseluruhan *corridor*, tapak alat pembesar suara di bilik bicara dan reka bentuk siling *foyer*. Manakala perubahan reka bentuk di KMRSB melibatkan perubahan bilik kebal dan lokap. Reka bentuk yang telah dipinda oleh Bahagian Arkitek, JKR menyebabkan kerja-kerja pembinaan terpaksa ditangguhkan.
- Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 1 Ogos 2016 menjelaskan, perubahan reka bentuk bilik kebal dan lokap berlaku semasa proses pembinaan mengikut kehendak pelanggan yang mana skop tersebut tidak termasuk di dalam skop asal di KMRSB dan KMRSB. Perubahan aliran longkang di KMRSB disebabkan laluan asal terlibat dengan laluan utiliti. Perubahan keperluan pembinaan TNB Sub Station di KMRSB ditukar kepada pembinaan Compact Sub setelah disahkan oleh Tenaga Nasional Berhad dapat memberi penjimatan. Perubahan di ruang masuk utama dan tangga di KMRSB diperlukan dengan penambahbaikan dan penyesuaian tapak bina disebabkan isu keselamatan bagi laluan OKU dan pencahayaan tidak mencukupi. Pindaan reka bentuk dilaksanakan berdasarkan permohonan pelanggan menggunakan Pelan Susun Atur Mahkamah Rendah Syariah Manjung dan Seri Iskandar bagi memenuhi kehendak pelanggan. Reka bentuk awal pintu di KMRSB tidak sesuai dengan fungsi bilik. Sebagai**

contoh pintu kamar hakim telah dipinda kepada pintu papan lapis tanpa bukaan kaca bersesuaian dengan fungsi bilik. Pindaan siling *plaster* dibuat untuk menutup kabel elektrik yang terdedah setelah kontraktor siap melaksanakan kerja di tapak bina tanpa membuat pengesahan dengan JKR. Pemasangan GFRC (*Glass Fibre Reinforcement*) dipasang mengikut lukisan dan spesifikasi, tetapi pemasangan *tempered glass* pada bukaan *arch* diubahsuai mengikut kesesuaian di tapak berdasarkan *Method of Statement* yang diberikan oleh pembekal.

ii. Kerja Tambahan Dan Perubahan Kerja

- Pihak Audit mendapati kerja tambahan dan perubahan kerja di KMRSM melibatkan tambahan kerja bagi pembinaan *trenching* untuk kabel TNB dan tambahan kerja bagi keperluan untuk ke bilik suis; discaj bagi longkang belakang bangunan dan pertambahan kerja bagi longkang dan takungan. Manakala kerja tambahan dan perubahan kerja di KMRSB pula melibatkan pertukaran kaedah cerucuk dari *Hydraulic Hammer* kepada kaedah *Jack-in*; dan perubahan kerja untuk cadangan rasuk keluli untuk sokongan sistem penyaman udara.
- **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 1 Ogos 2016 menjelaskan, Tenaga Nasional Berhad memohon agar saluran *G.I Pipe* dan *main hole* untuk laluan kabel dari pencawang ke bilik suis bangunan bagi kerja tambahan bagi projek KMRSM. Manakala bagi projek KMRSB pertukaran kaedah cerucuk telah disyorkan oleh perunding penyiasatan tapak bagi mengelak berlaku keretakan pada bangunan berhampiran akibat kesan gegaran sekiranya kaedah *Hydraulic Hammer* digunakan dan perubahan kerja untuk rasuk keluli bumbung disebabkan beban sistem penyaman udara telah melebihi daripada had reka bentuk.**

iii. Kelewatan Menerima Kelulusan Bahan

- Klausa 43.1(i) klausa kontrak menetapkan bahawa lanjutan masa boleh dipohon sekiranya ketidakupayaan oleh pihak kontraktor atas sebab-sebab luar kawalan. Pihak Audit mendapati JKR mengambil tempoh masa yang lama untuk meluluskan bahan seperti di **Jadual 1.3**. Kelulusan bahan yang lewat diterima bagi projek KMRSM melibatkan kelulusan bahan Dinding Akustik dan *method statement flow trap* bagi penyaman udara mengambil masa 169 hari dan 174 hari. Manakala bagi projek KMRSB pula melibatkan kelulusan dan pengesahan pintu bilik kebal dan karpet yang mengambil masa 224 hari dan 383 hari.

Jadual 1.3
Tempoh Menerima Kelulusan Bahan

Bil.	Projek/Item	Tarikh Permohonan JKR Daerah	Tarikh Kelulusan Bahagian Arkitek, JKR	Tempoh Masa (Bilangan Hari)
KMRSM				
1.	Dinding Akustik	06.05.2015	27.10.2015	174
2.	<i>Method statement flow trap</i> bagi penyaman udara	11.05.2015	27.10.2015	169
KMRSB				
3.	Kelulusan dan pengesahan pintu bilik kebal	13.04.2015	23.11.2015	224
4.	Kelulusan dan pengesahan karpet	02.03.2015	21.03.2016	383

Sumber: JKR Negeri Pahang

- **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 1 Ogos 2016 menjelaskan, kelewatan menerima kelulusan bahan Dinding Akustik dan *method statement flow trap* disebabkan kegagalan kontraktor mengemukakan dokumen sokongan dengan lengkap bagi projek KMRSM. Manakala bagi projek KMRSB, kelewatan kelulusan pintu bilik kebal disebabkan keputusan status pewartaan yang tidak tetap menyukarkan pengesahan spesifikasi pintu bilik kebal dan kelewatan kelulusan bahan karpet diluluskan setelah permohonan ketiga bertarikh 21 Mac 2016 dikemukakan kerana permohonan kelulusan pertama tidak lengkap dan permohonan kedua ditolak kerana tidak mengikut spesifikasi.**

iv. Kelewatan Menutup Jalan Pintas Kerana Tiada Kelulusan Kebenaran Merancang

- Klausula 43.1(g) klausa kontrak, menetapkan bahawa lanjutan masa boleh dipohon sekiranya berlaku kelewatan dalam memberi milikan tapak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Klausula 38.4 kontrak. Mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) menetapkan kebenaran merancang pembangunan diperoleh sebelum sesuatu projek pembinaan dimulakan. Tujuan permohonan adalah untuk memudahkan pihak JKR dalam menentukan bentuk cadangan penjajaran, kelebaran dan aras jalan, lorong belakang, peruntukan perparitan dan pembentung dan lain-lain keperluan seperti yang disyaratkan dalam piawai perancangan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan diperoleh sebelum kontraktor masuk ke tapak untuk memulakan kerja.
- Semakan Audit mendapati tiada kelulusan kebenaran merancang diperoleh sebelum tarikh milik tapak projek bagi kedua-dua projek ini. Selain itu, didapati kerja-kerja pembinaan KMRSB terpaksa ditangguhkan kerana laluan asal sedia ada (jalan pintas yang digunakan oleh orang awam berada

di dalam tapak binaan) tidak dapat ditutup. Ini menyebabkan tarikh penyerahan tapak yang sepatutnya pada 19 Ogos 2013 seperti mana Surat Setuju Terima terpaksa ditunda ke tarikh 2 Oktober 2013 dengan kelulusan Lanjutan Masa selama 16 hari.

- **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 1 Ogos 2016 menjelaskan, kelewatan ini berpunca dari jalan pintas yang digunakan oleh orang awam berada di dalam kawasan tapak bina. Hasil perbincangan Jurutera Daerah Bera dengan Pihak Berkuasa Tempatan maka hal ini dapat diselesaikan.**

v. Kelewatan Melantik Kontraktor Untuk Kerja Perabot Dalam

- Klausula 43.1(j) klausula kontrak menetapkan bahawa lanjutan masa boleh dipohon sekiranya berlaku kelewatan menamakan sub-kontraktor dan/atau pembekal dicalonkan untuk melaksanakan kerja-kerja. Didapati JKR mengambil masa yang lama untuk melantik kontraktor perabot dalam bagi projek KMRSB.
- Semakan Audit mendapati Surat Setuju Terima untuk pelantikan kontraktor kerja perabot dalam dikeluarkan pada 10 Disember 2015 ketika kemajuan kerja fizikal projek 84% siap. Didapati kelewatan melantik kontraktor tersebut melebihi 90 hari dari tempoh sah sebut harga. Tarikh tutup sebut harga tersebut ialah pada 23 Julai 2015. Masalah kelewatan melantik kontraktor perabot adalah disebabkan pelan asal tidak lengkap semasa penyediaan sebut harga dan Bahagian Arkitek, JKR telah membuat penambahan pada pelan tersebut yang mana terpaksa mengambil masa untuk disiapkan.
- **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 1 Ogos 2016 menjelaskan, kelewatan ini disebabkan JKR perlu membuat semakan semula terhadap kos keseluruhan projek apabila harga yang ditawarkan oleh semua penyebut harga melebihi kos asal peruntukan kerja perabot dalam seperti di dalam kontrak. Sehubungan itu, pihak JKR mengambil maklum perkara ini agar kontrak perlu dikaji terlebih dahulu sebelum dokumen tender dan sebut harga ditawarkan.**

vi. Kelewatan Bayaran Interim

- Klausula 28.3 klausula kontrak menetapkan tempoh pembayaran interim kerja ialah dalam tempoh masa 30 hari daripada tarikh perakuan interim. Didapati pembayaran interim yang ke-4 bagi kerja di KMRSB bertarikh 25 Februari 2014 telah lewat dibayar selama 108 hari melalui baucar bayaran bertarikh 12 Jun 2014. Kontraktor telah menghentikan kerja di tapak projek pada

28 Mei 2014. JKR Bera telah mengeluarkan surat arahan memulakan kerja bertarikh 30 Jun 2014 dan lanjutan masa telah diluluskan seperti klausa tambahan kontrak *Supplementary Agreement* bertarikh 18 Disember 2014.

- **Maklum balas daripada JKSP semasa Exit Conference yang diadakan pada 1 Ogos 2016 menjelaskan, kelewatan bayaran interim yang disebabkan masalah peruntukan pembangunan projek yang tidak dapat disalurkan kerana permohonan peruntukan perbelanjaan yang dibuat oleh JKSP berdasarkan unjuran perbelanjaan tahun 2014 tidak mencukupi pada awal tahun tersebut. Bagaimanapun, Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan pembayaran pendahuluan melalui Akaun Amanah Pelbagai Kewangan Negeri.**

Pada pendapat Audit, perubahan reka bentuk, kerja tambahan dan perubahan kerja yang ketara tidak sepatutnya berlaku selepas kerja pembinaan dimulakan bagi mengelakkan kelewatan penyiapan projek seperti yang ditetapkan kontrak.

1.4.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

- Kos kontrak asal telah berubah disebabkan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK). Didapati kos kontrak bagi KMRSB menurun dari RM5.92 juta kepada RM5.77 juta tanpa mengambil kira 7 APK berjumlah RM0.58 juta yang masih belum diluluskan. Manakala kos kontrak bagi KMRSB meningkat dari RM5.99 juta kepada RM6.40 juta. Perbelanjaan setakat 30 Jun 2016 adalah berjumlah RM5.68 juta (98.4%) bagi KMRSB dan RM5.90 juta (92.2%) bagi KMRSB. Butiran lanjut seperti **Jadual 1.4** dan **Jadual 1.5**.

Jadual 1.4
Prestasi Kewangan (Kos Kontrak) Projek Pembinaan KMRS Sehingga 30 Jun 2016

Nama Projek	Kos Asal Kontrak (RM juta)	Tambahan/ Kurangan (RM Juta)	Kos Kontrak Terlaras (RM Juta)	Perubahan (%)	Perbelanjaan (RM Juta)	Belanja (%)
KMRSB	5.92	(0.15)	5.77	(2.5)	5.68	98.4
KMRSB	5.99	0.41	6.40	6.8	5.90	92.2

Sumber : JKR Negeri Pahang

Jadual 1.5
Bilangan Dan Nilai APK dan PHK

Nama Projek	Bilangan APK	Nilai APK (RM juta)	Bilangan PHK	Nilai PHK (RM juta)	Jumlah Besar APK dan PHK (RM Juta)
KMRSB	0 *	0 *	3	(0.15)	(0.15)
KMRSB	3	0.18	4	0.23	0.41

Sumber: JKR Negeri Pahang

Nota: * 7 APK berjumlah RM0.58 juta belum diluluskan

Pada pendapat Audit, JKSP dan JKR sepatutnya memuktamadkan reka bentuk dan spesifikasi kerja sebelum Surat Setuju Terima Tender dikeluarkan bagi mengelakkan pertambahan perubahan kerja yang menyebabkan peningkatan kos projek.

1.4.2. Kualiti Pembinaan

Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2004 menyatakan pelaksanaan projek pembangunan yang teratur dan kemas adalah penting bagi memastikan penyediaan kemudahan yang berkualiti serta berada pada tahap piawaian yang boleh diterima supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Selain itu, klausa kontrak utama pembinaan juga menyatakan peranan kontraktor untuk membina dan menyediakan projek dengan menggunakan bahan-bahan yang berkualiti mengikut standard yang dinyatakan dalam *Bills of Quantities* (BQ). Lawatan Audit pada 30 Mei 2016 hingga 3 Jun 2016 dengan kemajuan kerja projek KMRSB sebanyak 99.9% dan KMRSB sebanyak 94.2% mendapati perkara berikut :

1.4.2.1. Reka Bentuk Pembinaan/Material Yang Tidak Praktikal/Kurang Sesuai

Semakan Audit mendapati beberapa ciri reka bentuk projek kurang sesuai/praktikal dan pihak Kontraktor telah mengambil tindakan penambahbaikan ke atas reka bentuk projek tersebut setelah mendapat teguran Audit. Butiran lanjut seperti **Jadual 1.6** dan **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.8**.

Jadual 1.6
Reka Bentuk Pembinaan/Material Yang Tidak Praktikal/Kurang Sesuai


Projek/Lokasi	Perihal	Maklum balas JKR
KMRSB		
Koridor	Masalah pemasangan <i>tempered glass</i> pada semua struktur binaan GFRC bukaan <i>arch</i> telah menyebabkan projek lewat disiapkan. (Gambar 1.1)	Kerja pemasangan <i>tempered glass</i> pada bukaan <i>arch</i> telah siap sepenuhnya. (Gambar 1.2)
Dewan Bicara Mahkamah Rendah	Kedudukan tiang tengah meja peguam menjejaskan keselesaan kepada pengguna. (Gambar 1.3)	Tiang tengah meja telah dibuang. (Gambar 1.4)
KMRSB		
Surau Lelaki dan Surau Wanita	Kedudukan paip hanya 60cm menyukarkan pengguna untuk berwuduk. (Gambar 1.5)	Kedudukan paip telah diubah untuk keselesaan pengguna. (Gambar 1.6)
Bilik Mesyuarat	Jejari meja kurang daripada 1100mm kurang praktikal untuk meletakkan mikrofon[ukuran tidak dinyatakan dalam lukisan] (Gambar 1.7) Jejari meja yang praktikal berukuran 1100mm di KMRSB. (Gambar 1.8)	Meja dibina mengikut saiz dan ukuran dalam pelan perincian, tetapi lukisan tidak menunjukkan saiz kelebaran.

Gambar 1.1
Masalah Pemasangan *Tempered Glass*
Pada Struktur Binaan Bukan Arc
Menyebabkan Kelewatan
Menyiapkan Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Koridor Di Dewan Bicara, KMRS Maran
 Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.2
Kerja Pemasangan *Tempered Glass*
Pada Bukaan Arch Telah Siap




Sumber: JKR Negeri Pahang
 Lokasi: Koridor Di Dewan Bicara, KMRS Maran
 Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.3
Kedudukan Tiang Tengah Meja Peguam
Menjejaskan Keselesaan Pengguna



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Dewan Bicara Mahkamah Rendah,
 KMRS Maran
 Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.4
Tiang Tengah Meja Telah Dibuang



Sumber: JKR Negeri Pahang
 Lokasi: Dewan Bicara Mahkamah Rendah,
 KMRS Maran
 Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.5
Kedudukan Paip Terlalu Rendah
Menyukarkan Pengguna Untuk Berwuduk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Surau Wanita, KMRS Bera
Tarikh: 30 Mei 2016

Gambar 1.6
Kedudukan Paip Telah Diubah Untuk
Keselesaan Pengguna



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Surau Lelaki, KMRS Bera
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.7
Jejari Meja Kurang Daripada 1100mm
Kurang Praktikal Untuk
Meletakkan Mikrofon



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Mesyuarat, KMRS Bera
Tarikh: 30 Mei 2016

Gambar 1.8
Jejari Meja Yang Praktikal
Berukuran 1100mm Di KMRSM



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Mesyuarat, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

1.4.2.2. Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan/Sempurna

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima pakai supaya Kompleks dan ruang yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit mendapati kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah kurang berkualiti dan tidak diselesaikan/dilaksanakan dengan sempurna. Namun begitu, pihak Kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan ke atas kerja pembinaan yang tidak sempurna seperti **Jadual 1.7** dan **Gambar 1.9** hingga **Gambar 1.22**.

Jadual 1.7
Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan/Sempurna

Projek/Lokasi	Perihal	Maklum Balas JKR
KMRSM		
Pantri Aras Atas	Kesan resapan air pada siling. (Gambar 1.9)	Kerja pembaikan telah dilaksanakan. (Gambar 1.10)
Tandas Lelaki Aras Atas	Kesan resapan air telah merosakkan siling. (Gambar 1.11)	Kerja pembaikan telah dilaksanakan. (Gambar 1.12)
Bumbung Kubah	Air hujan bertakung di atas bumbung. (Gambar 1.13)	Saliran air tersumbat telah diperbaiki. (Gambar 1.14)
Pondok Pengawal	Kemasan simen pada dinding tandas tidak sempurna. (Gambar 1.15)	Kemasan simen telah diperbaiki. (Gambar 1.16)
Dataran Kejat	Kerja <i>premix</i> dataran kejut kurang sempurna. (Gambar 1.17)	Dataran kejut masih dalam kerja pembaikan. (Gambar 1.18)
Kawasan <i>Interlocking Paver</i>	Pemasangan <i>interlocking paver</i> tidak sempurna. (Gambar 1.19)	Pemasangan <i>interlocking</i> telah dikemaskan. (Gambar 1.20)
KMRSB		
Ruang Tunggu Kaunter Aras Atas	Siling melengkung. (Gambar 1.21)	Kerja pembaikan telah dilaksanakan. (Gambar 1.22)

Gambar 1.9
Kesan Resapan Air Pada Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantri Aras Atas, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.10
Kerja Pembaikan Telah Dilaksanakan



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Pantri Aras Atas, KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.11
Kesan Resapan Air
Telah Merosakkan Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Lelaki Aras Atas, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.12
Kerja Pembaikan Telah Dilaksanakan



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Tandas Lelaki Aras Atas, KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.13
Air Hujan Bertakung Di Atas Bumbung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bumbung Kubah, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.14
Saliran Air Tersumbat Telah Diperbaiki



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Bumbung Kubah, KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.15
Kemasan Simen Pada Dinding Tandas Tidak Sempurna




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pondok Pengawal, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.16
Kemasan Simen Telah Diperbaiki



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Pondok Pengawal, KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.17
Kerja *Premix* Dataran Kejat Kurang Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Kejat, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.18
Dataran Kejat Masih Dalam Kerja Pembaikan



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Dataran Kejat, KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.19
Pemasangan Interlocking
Kurang Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Interlocking Paver, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.20
Pemasangan Interlocking
Telah Dikemaskan




Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Kawasan Interlocking Paver, KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.21
Siling Melengkung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Tunggu Aras Atas, KMRS Bera
Tarikh: 30 Mei 2016

Gambar 1.22
Kerja Pembaikan Telah Dilaksanakan



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Ruang Tunggu Aras Atas, KMRS Bera
Tarikh: 20 Julai 2016


1.4.2.3. Kerja Elektrikal Dan Mekanikal Tidak Mengikut Spesifikasi

Kerja elektrikal dan mekanikal perlu dilaksanakan oleh kontraktor selaras dengan ketetapan kontrak serta mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan seperti Akta Bekalan Elektrik 1990, Peraturan-peraturan Elektrik, *Specification For Low Voltage Internal Electrical Installation* dan spesifikasi kerja-kerja mekanikal bagi memastikan pengguna mendapat kemudahan pada tahap jaminan keselamatan yang terbaik. Pemeriksaan Audit terhadap kerja-kerja pendawaian dan pemasangan kelengkapan mekanikal serta elektrikal yang masih dalam pembinaan mendapati ada kerja yang dibuat tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan boleh mendatangkan risiko kepada keselamatan pengguna serta secara tidak langsung Jabatan Pelanggan terpaksa menanggung kos tambahan untuk pembaikan semula kerja-kerja tersebut. Kerja elektrik dan mekanikal yang tidak mengikut spesifikasi dan tindakan pembaikan telah diambil oleh Kontraktor selepas teguran Audit seperti **Jadual 1.8** dan **Gambar 1.23** hingga **Gambar 1.36**.

Jadual 1.8
Kerja Elektrikal Dan Mekanikal Tidak Mengikut Spesifikasi


Projek/Lokasi	Perihal	Maklum balas JKR
KMRSM		
Bilik Suis Utama	Tiada lukisan skematik dilekatkan dalam pintu agihan. (Gambar 1.23)	Lukisan skematik telah dilekatkan. (Gambar 1.24)
Dewan Bicara Mahkamah Tinggi	Pemasangan suis tidak kemas kerana wayar kelihatan. (Gambar 1.25)	Pemasangan suis telah dikemaskan. (Gambar 1.26)
Bilik Hose Reel	<i>Precast lightweight concrete coping</i> tidak dipasang. (Gambar 1.27)	<i>Precast lightweight concrete coping</i> telah dipasang. (Gambar 1.28)
	Saluran paip air buangan tidak dibina. (Gambar 1.29)	Saluran paip air buangan sedang dibina. (Gambar 1.30)
KMRSB		
<i>Earth Chamber</i>	Pemasangan <i>earth electrode</i> tidak dilabel mengikut spesifikasi. (Gambar 1.31)	Pemasangan <i>earth electrode</i> telah dilabel mengikut spesifikasi. (Gambar 1.32)
Ruang Pejabat Aras Atas	Kedudukan <i>exhaust fan</i> ruang pejabat dipasang di bilik mesyuarat. (Gambar 1.33)	<i>Exhaust fan</i> telah dipasang. (Gambar 1.34)
Tandas Lelaki	<i>Stopcock</i> menggunakan material plastik. (Gambar 1.35)	<i>Stopcock</i> ditukarkan dengan material tembaga. (Gambar 1.36)

Gambar 1.23
Tiada Lukisan Skematik Dilekatkan Dalam Pintu Agihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Suis Utama, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.24
Lukisan Skematik Telah Dilekatkan Dalam Pintu Agihan



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Bilik Suis Utama, KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.25
Pemasangan Suis Tidak Kemas
Kerana Wayar Kelihatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Bicara Mahkamah Rendah,
KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.26
Pemasangan Suis Telah Dikemaskan



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Dewan Bicara Mahkamah Rendah,
KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.27
Precast Lightweight Concrete Coping
Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik *Hose Reel* Aras Bawah KMRS
Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.28
Precast Lightweight Concrete Coping
Telah Dipasang



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Bilik *Hose Reel* Aras Bawah,
KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.29
Saluran Paip Air Buangan Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik *Hose Reel* Aras Atas, KMRS Maran
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 1.30
Saluran Paip Air Buangan
Sedang Dibina



Sumber: JKR Negeri Pahang
Lokasi: Bilik *Hose Reel* Aras Atas, KMRS Maran
Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.31
Pemasangan *Earth Electrode* Tidak
Dilabel Mengikut Spesifikasi




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: *Earth Chamber*, KMRS Bera
 Tarikh: 30 Mei 2016

Gambar 1.32
Pemasangan *Earth Electrode* Telah
Dilabel Mengikut Spesifikasi



Sumber: JKR Negeri Pahang
 Lokasi: *Earth Chamber*, KMRS Bera
 Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.33
Kedudukan *Exhaust Fan* Ruang Pejabat
Dipasang Di Bilik Mesyuarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Ruang Pejabat Aras Atas, KMRS Bera
 Tarikh: 30 Mei 2016

Gambar 1.34
***Exhaust Fan* Telah Dipasang**




Sumber: JKR Negeri Pahang
 Lokasi: Ruang Pejabat Aras Atas, KMRS Bera
 Tarikh: 20 Julai 2016

Gambar 1.35
***Stopcock* Menggunakan**
Material Plastik



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tandas Lelaki, KMRS Bera
 Tarikh: 30 Mei 2016

Gambar 1.36
***Stopcock* Ditukarkan Dengan**
Material Tembaga



Sumber: JKR Negeri Pahang
 Lokasi: Tandas Lelaki, KMRS Bera
 Tarikh: 20 Julai 2016

1.4.2.4. Lukisan Asal Berbeza Dengan Dokumen Sebut Harga Dan Fizikal

- a. Lukisan Siap Bina hendaklah dikemas kini sepanjang pelaksanaan projek dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa secara berperingkat menurut aturan kerja. Pemeriksaan Audit menggunakan lukisan asal sebagai rujukan semasa lawatan mendapati butiran di dalam lukisan tersebut berbeza dengan butiran sebut harga dan fizikal seperti **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Perbezaan Butiran Antara Lukisan Asal Dengan Sebut Harga dan Fizikal

Lokasi	No. Lukisan	Butiran Di Lukisan	Butiran Di Sebutharga	Fizikal
KMRSM				
Dewan Bicara Mahkamah Tinggi	PHG.SA(23)7/2012/PR6H	Kandang Saksi - 27 batang kayu ukiran	TM	Kandang Saksi - 17 batang kayu ukiran
		Kandang Pesalah - 56 batang kayu ukiran	TM	Kandang Pesalah - 37 batang kayu ukiran
Bilik Mesyuarat	PHG.SA(23)7/2012/D-27	Ukuran panjang kabinet rendah - 6875mm	TM	Ukuran panjang kabinet rendah – 6100mm
KMRSB				
Dewan Bicara Mahkamah Rendah	PHG.SA(23)6/2012/PR6	Kerusi Peguambela & Penguamcara – 15 unit	Kerusi - 19 unit	15 Kerusi yang dibekalkan
	PHG.SA(23) 6/2012 /PR6	Kerusi Pemerhati – 8 unit	Kerusi Pemerhati - 10 unit	8 Kerusi yang dibekalkan
	PHG.SA(23)6/2012/PR6H	Kandang Saksi - 27 batang kayu ukiran	TM	Kandang Saksi - 14 batang kayu ukiran
		Kandang Pesalah - 56 batang kayu ukiran	TM	Kandang Pesalah - 34 batang kayu ukiran
Bilik Mesyuarat	PHG.SA(23)6/2012/D-27	Ukuran panjang Kabinet Rendah - 6875 mm	TM	Ukuran panjang Kabinet Rendah – 5700mm

Sumber: JKR Negeri Pahang dan Jabatan Audit Negara

Nota: TM – Tiada Maklumat

- b. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 1 Ogos 2016 menjelaskan, ukuran panjang kabinet rendah di Bilik Mesyuarat perlu diselaraskan dengan ruang tepi yang diperlukan untuk meletakkan peralatan siar raya dan alat pandang dengar. Bilangan batang ukiran kayu sebenar tidak sama dengan bilangan batang kayu ukiran di lukisan kerana jarak antara kayu dipasang mengikut kesesuaian tapak (jarak tidak dinyatakan dalam lukisan). Sehubungan itu, JKR akan mengemas kini semua perbezaan kuantiti dan butiran antara lukisan perabot dalaman pada *As Built Drawing* dan pelarasan harga akan dibuat sebelum bayaran akhir dimuktamadkan.**

Pada pendapat Audit, terdapat kerja pembinaan kurang memuaskan dari segi reka bentuk dan kualiti pembinaan. Ia boleh menyebabkan kemudahan yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik dan menjejaskan keselesaan pengguna.

1.4.3. Pentadbiran Kontrak

Pelantikan kontraktor bagi projek pembinaan KMRS dibuat secara tender terbuka. Jawatankuasa Penilaian Tender bersetuju memilih Hati Nurani Sdn.Bhd. bagi projek KMRS dan N Kay Enterprise bagi projek KMRSB sebagai kontraktor utama dan telah diluluskan oleh Lembaga Tawaran Negeri. Semakan Audit mendapati proses pelantikan kontraktor utama, pengurusan wang jaminan pelaksanaan, insuran dan pengenaan denda adalah teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara masih perlu diberi perhatian oleh JKR seperti yang berikut:

1.4.3.1. Arahan Perubahan Kerja

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007, menyatakan Arahan Perubahan Kerja (APK) ialah sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Bagi membuat perubahan kepada kerja yang terkandung dalam kontrak, permohonan Perubahan Kerja hendaklah disediakan untuk kelulusan Jawatankuasa APK. Perenggan 16.2.8(d) Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (Edisi Ke-3) menetapkan perubahan kerja tidak boleh diarahkan selepas Tarikh Siap Kerja atau selepas Tarikh Siap Kerja dilanjutkan. Perubahan kerja hendaklah dimohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati Perubahan Kerja bagi projek KMRS masih belum diluluskan walaupun tempoh kontrak telah tamat pada 6 Februari 2016. Jumlah keseluruhan 7 Perubahan Kerja yang masih belum diluluskan bagi projek KMRS adalah RM0.58 juta. Manakala 3 APK telah diluluskan di KMRSB berjumlah RM177,369.87. Maklumat lanjut seperti Jadual 1.10.

Jadual 1.10
APK Belum Diluluskan Bagi Projek KMRS Dan APK Yang Diluluskan Bagi Projek KMRSB

No. APK/KPK	Tarikh Mohon	Tarikh Lulus	Sebab	Nilai (RM)
KMRS				
1	07.04.2016	Belum	Perubahan bagi bangunan TNB <i>Compact Sub</i>	17,388.00
2	07.04.2016	Belum	Pertambahan laluan bagi kabel TNB	60,600.00
3	07.04.2016	Belum	Perubahan rekabentuk bagi bilik kebal	17,192.00
4	07.04.2016	Belum	Perubahan rekabentuk perabot lekap bagi bangunan	117,480.00
5	07.04.2016	Belum	Perubahan pintu dan tingkap bangunan utama	43,589.00
6	07.04.2016	Belum	Penambahan kerja bagi pemasangan Sistem <i>Electric Low Voltage (ELV)</i>	310,329.80
7	07.04.2016	Belum	Perubahan laluan masuk utama, <i>trenching</i> bilik suis dan bilik SDF, siling <i>foyer</i>	20,748.00
Jumlah				587,326.80
KMRSB				
1	01.10.2013	27.11.2013	Pertukaran penggunaan alat <i>Hydraulic Hammer</i> kepada sistem cerucuk <i>Jacked-in</i>	168,797.70

No. APK/KPK	Tarikh Mohon	Tarikh Lulus	Sebab	Nilai (RM)
2	31.07.2015	02.09.2015	Kerja tambahan untuk bilik kebal dan lokap dan kerja tambahan memasang paip UPVC 150mm	8,572.17
3	TB	03.03.2014	Menggantikan <i>interlocking paver</i> dengan konkrit	0.00
Jumlah				177,369.87

Sumber: JKR Negeri Pahang

- c. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 1 Ogos 2016 menjelaskan, Surat Arahan KPKR Bil. 6/2012 membenarkan Pegawai Penguasa memohon APK secara prinsip sebelum APK itu boleh dikeluarkan kepada kontraktor supaya kemajuan kerja di tapak bina tidak terjejas. Tujuh perubahan kerja masih dalam proses kelulusan jawatankuasa telah dilaksanakan oleh kontraktor dan mendapat kelulusan secara prinsip daripada Pengerusi Jawatankuasa Perubahan Kerja.**

Pada pendapat Audit, APK bagi projek KMRSB berjumlah RM0.58 juta perlu diluluskan sebelum projek siap sepenuhnya.

1.4.3.2. Pembayaran Interim

- a. Klausula 28.2 kontrak menyatakan penilaian kerja-kerja yang telah disempurnakan perlu dibuat setiap bulan oleh Pegawai Penguasa selepas penilaian pertama. Semakan Audit mendapati 29 daripada 32 (90%) perakuan interim kerja projek di KMRSB dibuat pada setiap bulan selepas satu bulan daripada tarikh milik tapak. Manakala perakuan kerja projek di KMRSB kurang teratur kerana 24 daripada 27 (89%) perakuan interim dibuat melebihi tempoh masa sebulan selepas penilaian pertama. Selain itu, didapati penilaian pertama interim kerja lewat disediakan iaitu melebihi dua bulan selepas tarikh milik tapak. Butiran lanjut seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11
Tempoh Masa Perakuan Bayaran Interim

Projek	Tempoh Masa Perakuan Interim (Hari)				Bilangan Bayaran Interim
	1 - 30	31 - 60	61 - 90	> 90	
KMRSB	29	1	2	-	32
KMRSB	3	1	6	17	27
Jumlah	32	2	8	17	59

Sumber: JKR Negeri Pahang Dan Pejabat Kewangan Negeri

- b. Klausula 28.3 kontrak pula menetapkan tempoh pembayaran interim kerja ialah dalam tempoh masa 30 hari daripada tarikh perakuan interim. Pihak Audit mendapati 18 pembayaran interim melebihi 30 hari melibatkan 5 kes bagi projek KMRSB dan 13 kes bagi projek KMRSB. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.12**.

Jadual 1.12
Tempoh Masa Pembayaran Interim

Projek	Tempoh Masa Pembayaran Interim (Hari)				Bilangan Bayaran Interim
	1 - 30	31 - 60	61 - 90	> 90	
KMRSM	25	5	-	-	30
KMRSB	13	12	-	1	26
Jumlah	38	17	-	1	56

Sumber: JKR Negeri Pahang Dan Pejabat Kewangan Negeri

- c. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 1 Ogos 2016 menjelaskan, kelewatan perakuan dan bayaran interim di KMRSB disebabkan masalah peruntukan pembangunan projek tidak dapat disalurkan kerana peruntukan perbelanjaan tahun 2014 tidak mencukupi. Selain itu, JKR akan memperbaiki prosedur pembayaran interim bagi mematuhi syarat kontrak dengan menetapkan pembayaran interim akan dibuat pada 25hb setiap bulan dan memastikan pembayaran kepada kontraktor dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh penilaian.**

Pada pendapat Audit,projek KMRSM mematuhi tempoh perakuan dan pembayaran interim dengan baik. Manakala pembayaran interim bagi projek KMRSB adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi tempoh perakuan dan pembayaran interim.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek lain, pihak Audit mengesyorkan supaya JKR dan JKSP memberi perhatian berikut :

1.5.1. Pihak JKR hendaklah memuktamadkan pelan susun atur bangunan dengan Jabatan Pelanggan sebelum tawaran projek dibuat bagi mengelakkan perubahan skop kerja semasa projek sedang berjalan.

1.5.2. Memastikan pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dibuat secara berterusan supaya kerja yang dilaksanakan menepati spesifikasi dan berkualiti.

2. PENGURUSAN KAWAL SELIA SUMBER AIR

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Perlembagaan Persekutuan menetapkan sumber air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Sumber air terdiri daripada air sungai, empangan, air bawah tanah, air bukit, tasik dan sebagainya. Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan bagi Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) berkuat kuasa pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia air bekalan dan perkhidmatan air, manakala Kerajaan Negeri pula bertanggungjawab terhadap sumber air.

2.1.2. Enakmen Sumber Air 2007 digubal selaras dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang yang ke-20/2008 pada 25 Jun 2008 telah bersetuju bahawa Enakmen Sumber Air 2007 dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008 untuk mengawal, mengurus dan menyelaras sumber air di Negeri Pahang. Susulan daripada itu, MMK Pahang ke-31/2008 pada 24 September 2008 telah bersetuju melantik Setiausaha Kerajaan Pahang sebagai Pengarah Sumber Air manakala Badan Kawal Selia Air (BKSA) merupakan agensi pelaksana Enakmen tersebut.

2.1.3. Objektif BKSA ditubuhkan adalah untuk memastikan sumber air dan alam persekitarannya berada di dalam keadaan yang terpelihara dan mampan bagi menyokong pembangunan sosioekonomi negeri yang sentiasa berdaya maju. Selain itu, BKSA melaksanakan fungsi sebagai perancang, pelaksana, penyelaras, pemudah cara, penyelidik dan penguat kuasa secara efektif, sistematik dan efisien dalam pembangunan serta pengurusan sumber air. Bidang kuasa BKSA berdasarkan Enakmen dapat dirumuskan kepada pengurusan, pengawalan dan penyelarasan sumber air dan mutu air; pengurusan kawasan tadahan air secara bersepadu; pelesenan dan penguatkuasaan.

2.1.4. Pengurusan sumber air di Negeri Pahang melibatkan pelbagai pihak seperti Jabatan Perhutanan (JPNP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Pejabat Tanah Dan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Antara tanggungjawab yang dilaksanakan seperti memantau penggunaan dan kualiti sumber air serta menjalankan perancangan, penyelidikan dan pengurusan maklumat yang bersepadu di dalam pengurusan sumber air dan lembangan sungai.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kawal selia sumber air telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu pada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh BKSA dalam menguruskan sumber air khususnya untuk kegunaan air minum di Negeri Pahang bagi tempoh 2013 hingga 2015, manakala data kualiti air pula adalah bagi tempoh 2006 hingga 2015. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, analisis data kualiti air yang diperolehi daripada BKSA, JAS, JKN, JPNP, Pejabat Tanah Dan Daerah dan PAIP. Selain itu, lawatan Audit dilaksanakan ke lembangan sungai dan pemegang Lesen Penggunaan Sumber Air (LPSA) di daerah Kuantan, Temerloh, Jerantut dan Raub serta temu bual dengan pegawai-pegawai yang berkaitan turut dilaksanakan bagi mendapat penjelasan lanjut terhadap penemuan Audit. *Exit Conference* bersama Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, pegawai JPS, JAS, JMG, PAIP, Bahagian Pengauditan Air dan Ketua Audit Dalam Setiausaha Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai berkaitan telah diadakan pada 26 Ogos 2016.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Jun 2016 mendapati pengurusan hasil caj air mentah adalah kurang memuaskan dengan kutipan royalti bagi tempoh 2013 hingga 2015 hanya berjumlah RM4.72 juta. Selain itu, purata Indeks Kualiti Air (IKA) di 5 lembangan sungai berada dalam kategori Bersih manakala 4 lembangan berada di dalam kategori Sederhana Tercemar. Beberapa kelemahan perlu diberi perhatian seperti berikut:

- BKSA belum melaksanakan kajian kecukupan kuantiti air mentah Negeri Pahang.
- Keluasan kawasan Hutan Tadahan Air hanya 243,436.83ha atau 15.6% daripada keluasan Hutan Simpan Kekal seluas 1,562,900.05ha.
- Pengenaan Lesen Penggunaan Sumber Air terhadap aktiviti pengambilan pasir belum dilaksanakan.
- Enakmen Sumber Air 2007 tidak dilaksanakan secara menyeluruh.

2.4.1. Kuantiti Sumber Air Mentah

2.4.1.1. Satu daripada fungsi BKSA adalah mengurus, mengawal serta menyelaraskan sumber dan mutu air di Negeri Pahang. Seksyen 11, Enakmen Sumber Air 2007 menetapkan tugas Pengarah Sumber Air untuk memastikan bahawa segala permintaan air mentah yang munasabah dipenuhi. Semakan Audit mendapati BKSA tidak melaksanakan apa-apa kajian berkenaan dengan kuantiti air mentah Negeri Pahang dan hanya berdasarkan Kajian Sumber Air Negara (*National Water Resources Study Review*)

(KSA) 2000 – 2050. KSA 2000 – 2050 secara makro telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan yang merumuskan bahawa sumber air mentah untuk domestik di Negeri Pahang adalah mencukupi (*surplus*). Bagaimanapun, kajian tersebut adalah berdasarkan perbandingan air larian permukaan daripada taburan hujan dengan permintaan air domestik. **Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, pihak BKSA telah menjalankan satu kajian sumber air di daerah Cameron Highlands bagi tempoh Julai 2006 hingga Jun 2011. Satu Seminar Pengurusan Sumber Air Negeri dijangka akan diadakan pada Oktober 2016 bagi memperhalus isu-isu utama kualiti air sebagaimana yang telah diputuskan di dalam keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-19/2016 pada 8 Jun 2016.**

2.4.1.2. Berdasarkan KSA 2000-2050 juga, terdapat 77 sistem pembekalan air mentah di seluruh negeri dan kebanyakannya berpunca dari sungai. Selain itu, di bawah Kajian Sumber Air Negeri Pahang Tahun 1992, sebanyak 23 buah lokasi empangan dikenal pasti dan 15 buah daripadanya dianggap berpotensi untuk dibangunkan. Sehingga Mei 2016, 2 buah empangan telah siap dibangunkan iaitu Empangan Chereh, Kuantan dan Empangan Kelau, Raub yang masing-masing siap pada tahun 2008 dan 2015.

2.4.1.3. Oleh yang demikian, hasil daripada kajian KSA 2000-2050 mendapati, Negeri Pahang masih mempunyai banyak sumber air permukaan. Bagaimanapun, jika BKSA tidak melaksanakan kajian kecukupan air mentah dan tiada tempat penyimpanan (*storage*), air yang berlebihan ini akan mengalir ke laut secara semula jadi. Ia akan menyebabkan Negeri Pahang mengalami masalah kekurangan air pada masa hadapan.

2.4.1.4. Selain itu, berdasarkan situasi cuaca yang tidak menentu seperti fenomena *El Nino* yang berlaku pada awal tahun 2016 mungkin memerlukan kerajaan negeri mencari sumber alternatif bagi mengatasi masalah kekurangan sumber air mentah. Laporan akhbar pada 14 April 2016 melaporkan berkenaan masalah gangguan bekalan air di Felda Chini, Pekan berikutan cuaca panas melampau akibat fenomena *El Nino*. Ia menyebabkan paras air Sungai Mentiga kritikal dan kurang daripada 1 meter. Berita yang dilaporkan seperti di **Gambar 2.1. Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, kajian potensi air tanah diteruskan bagi mendapatkan maklumat lebih meluas dan menyeluruh sama ada air tanah di kawasan tersebut dapat menampung atau membantu kekurangan air di muka sawah semasa kemarau dan kaedah-kaedah pembinaan telaga yang sesuai bagi memaksimumkan luahan air tanah tersebut. Telaga air tanah di kawasan muka sawah akan dibina bagi menampung keperluan LRA Chini bersesuaian dengan hasil kajian yang dijalankan.**

Loji Air Chini semakin kritikal
Penduduk di kawasan tinggi terputus bekalan sejak 10 hari lalu
MOHAMAD SHOFI MAT ISA | 14 April 2016 1:36 AM



ASER KHAN ATUS MOHAMED (dua dari kiri) memeriksa paras air yang kritikal di Loji Air Chini, Pekan, Pahang, semalam. Utusan/ARIMAD ZAKRI JILAN

PEKAN 13 April - Ribuan penduduk sekitar Telda Chini di sini mengalami gangguan bekalan air bersih sejak 10 hari lalu berikutan cuaca panas melampau akibat fenomena El Nino yang sedang melanda negara.

Gambar 2.1
Laporan Akhbar Utusan Loji Air Chini
Semakin Kritikal

Sumber: Akhbar Utusan
Tarikh: 14 April 2016

2.4.1.5. Lawatan Audit ke muka sauk Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Sagu pula mendapati paras air Sungai Reman cetek dan air tidak dapat dipamkan ke loji menyebabkan bekalan air kepada pengguna terganggu. LRA tersebut terpaksa ditutup selama 11 jam pada 23 Mei 2016 dan 3 jam pada 24 Mei 2016. Perkara ini disebabkan oleh masalah *gabion* yang dibina untuk menakung air di muka sauk telah rosak. Paras air sungai yang cetek dan keadaan *gabion* yang rosak seperti di **Gambar 2.2** dan **Gambar 2.3**. Lawatan Audit turut dilaksanakan ke LRA Bukit Goh dan mendapati bagi tempoh Januari hingga April 2016, operasi LRA ini kerap ditutup. Pemeriksaan Audit ke muka sauk mendapati paras air adalah rendah dan kurang daripada 1 meter seperti di **Gambar 2.4** dan **Gambar 2.5**.

Gambar 2.2
Paras Air Sungai Yang Cetek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk LRA Bukit Sagu
Tarikh: 25 Mei 2016

Gambar 2.3
Keadaan Gabion Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk LRA Bukit Sagu
Tarikh: 25 Mei 2016

Gambar 2.4
Keadaan Air Sungai Di Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk, LRA Bukit Goh
Tarikh: 25 Mei 2016

Gambar 2.5
Paras Air Yang Cetek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Muka Sauk, LRA Bukit Goh
Tarikh: 25 Mei 2016

2.4.1.6. Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, pembinaan *gabion* adalah untuk meningkatkan paras air sungai yang rendah akan tetapi sering runtuh disebabkan tekanan air sungai yang kuat walaupun telah beberapa kali dibaiki dan dibina semula runtuhannya tetap juga berlaku. Oleh yang demikian, pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sedang membina muka sauks yang baru jenis *Horizontal Collecting Well* (HCW) yang boleh mengatasi bekalan air pada musim kemarau seperti di Gambar 2.6. *Gabion* di muka sauks LRA Bukit Sagu yang telah diperbaiki seperti di Gambar 2.7.

Gambar 2.6
Horizontal Collecting Well
Yang Sedang Dibina



Sumber: Badan Kawal Selia Air
Lokasi: Muka Sauk, LRA Bukit Sagu
Tarikh: 25 Ogos 2016

Gambar 2.7
***Gabion* Di Muka Sauks Bukit Sagu**
Yang Telah Diperbaiki



Sumber: Badan Kawal Selia Air
Lokasi: Muka Sauk, LRA Bukit Sagu
Tarikh: 25 Ogos 2016

2.4.1.7. Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 juga menjelaskan, penutupan LRA Bukit Goh disebabkan air sungai telah cetek dan langsung tiada aliran air disebabkan kemarau dan tiada hujan mencukupi. Pembinaan benteng guni dibuat untuk meningkatkan aras air. Bagi mengatasi masalah ini, pihak PAIP sedang menguruskan bekalan air terawat dari LRA Semambu ke LRA Bukit Goh

dengan pemasangan paip baru ke LRA Bukit Goh dengan anggaran kos RM2 juta seperti di Gambar 2.8.



Gambar 2.8
Kerja Pemasangan Paip Untuk Air Terawat
Ke LRA Bukit Goh

Sumber: Badan Kawal Selia Air
Tarikh: 25 Ogos 2016

2.4.1.8. Oleh yang demikian, sumber alternatif air mentah perlu diberi perhatian oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kekurangan sumber air. Mengikut minit mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri (MSANG) Pahang Bil. 2/2014, kerajaan negeri bersetuju dengan syor JMG untuk melaksanakan kajian yang lebih terperinci supaya penggunaan air bawah tanah digunakan sebagai sumber alternatif air mentah. Berdasarkan Kajian Permodelan Air Tanah Lembangan Aluvium Pesisir Pantai Sungai Pahang pada tahun 2015 melaporkan jumlah *inflow* rizab air tanah ialah 2,097 juta liter sehari (jlh). Manakala jumlah luahan selamat akuifer yang berpotensi ialah 1,076jlh.

2.4.1.9. Semakan Audit mendapati sehingga Mei 2016, Negeri Pahang mempunyai 506 buah telaga air tanah yang terbahagi kepada 3 jenis iaitu telaga pemantauan, telaga eksplorasi dan telaga pengeluaran yang dibina antara tahun 1985 hingga 2015. Bagaimanapun, hanya 30 buah telaga yang masih aktif di 5 buah daerah iaitu Pekan, Kuantan, Rompin, Bentong serta Bera dan baki 476 buah adalah tidak aktif kerana terbiar, musnah dan tidak dijumpai. Manakala, bilangan telaga untuk domestik atau air awam ialah 19 buah dengan anggaran bilangan penduduk yang mendapat manfaat seramai 13,536 orang. Semakan Audit selanjutnya mendapati JMG ada melaksanakan pemantauan sebanyak 2 kali setahun di 12 buah telaga berdasarkan Garis Panduan Pengukuran Paras Air Tanah Dan Pensampelan. Keputusan ujian kimia air tanah mendapati kualiti air tanah secara keseluruhannya adalah baik dan sesuai dijadikan sebagai sumber alternatif sekiranya berlaku kekurangan sumber air permukaan. Keadaan telaga air tanah adalah seperti di **Gambar 2.9**.



Gambar 2.9
Keadaan Telaga Yang Masih Aktif

Sumber: Jabatan Mineral Dan Geosains
Lokasi: Sungai Miang, Pekan
Tarikh: 28 April 2016

Pada pendapat Audit, perubahan cuaca telah menyebabkan musim kemarau yang panjang di mana paras air di muka sawk tidak mencukupi. Walaupun Negeri Pahang menerima taburan hujan yang tinggi, bilangan empangan yang tidak mencukupi untuk storan sumber air bagi penggunaan semasa musim kemarau telah menjejaskan operasi loji rawatan air. Selain itu, penerokaan sumber alternatif seperti air bawah tanah masih minimum.

2.4.2. Kualiti Sumber Air Mentah

2.4.2.1. Indeks Kualiti Air

- a. Kajian data kualiti air dilaksanakan bagi menentukan keberadaan kualiti air sungai dan dikelaskan mengikut Kelas I, II, III, IV atau V berdasarkan piawaian Indeks Kualiti Air (IKA). Indeks Kualiti Air terbahagi kepada 3 kategori iaitu Bersih, Sederhana Tercemar dan Tercemar. Petunjuk kualiti air terdiri daripada Parameter Oksigen Biokimia (BOD), Parameter Oksigen Kimia (COD), Oksigen Terlarut (DO), Nitrogen Ammonia (NH₃-N) dan Pepejal Terampai (TSS) dan pH. Dalam konteks bekalan air minuman, parameter biologi (analisis kandungan bakteria) dan kimia (logam berat berbahaya) selalu ditekankan agar bekalan air yang dihasilkan bebas daripada sebarang bentuk pencemaran yang berbahaya. Piawaian IKA, kategori kelas sungai dan parameter kualiti air mentah berdasarkan *National Water Quality Standards For Malaysia* adalah seperti di **Jadual 2.1** hingga **Jadual 2.3**.

Jadual 2.1
Kualiti Air Berdasarkan Indeks Kualiti Air

Indeks Kualiti Air (IKA)	Kategori		
	Bersih	Sederhana Tercemar	Tercemar
	81 – 100	60 - 80	0 - 59

Sumber: *National Water Quality Standards For Malaysia*

Jadual 2.2
Kategori Kelas Sungai

Kelas	IKA	Kategori
I	>92.7	Airnya boleh terus diminum tanpa rawatan
II	76.5 - 92.7	Airnya memerlukan rawatan biasa
III	51.9 - 76.5	Air nampak bersih, tidak berbau, tetapi kualitinya tercemar dan orang ramai tidak boleh berenang tetapi boleh berkelah di tebing
IV	31.0 - 51.9	Sedikit tercemar*
V	<31.0	Sedikit tercemar*
*		Keadaan air antara lain berbau busuk dan berwarna hitam

Sumber: *National Water Quality Standards For Malaysia*


Jadual 2.3
Parameter Kualiti Air Mentah

Bil.	Parameter	Piawaian Bacaan
1.	pH	5.5-9.0
2.	Kekeruhan	1000 NTU
3.	Ammonia	1.5 mg/l
4.	Ferum	1.0 mg/l
5.	Manganese	0.20 mg/l
6.	COD	10 mg/l
7.	BOD	6mg/l
8.	DO	8 mg/l
9.	TSS	25 mg/l

Sumber: *National Water Quality Standards For Malaysia*


- b. Semakan Audit di BKSA mendapati pemantauan kualiti air adalah di bawah tanggungjawab Unit Sumber Air dan Mutu Air. Pemantauan turut dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). BKSA telah mengeluarkan Laporan Kualiti Air Mentah yang mengguna pakai parameter dan kelas kualiti air yang ditetapkan bagi tempoh 2011 hingga 2014. Laporan terakhir yang dikeluarkan adalah pada 10 April 2014. Pemeriksaan Audit ke atas laporan tersebut mendapati, BKSA tidak melaksanakan tindakan susulan selepas laporan dikeluarkan. Laporan tersebut hanya digunakan untuk rekod dalaman dan sekiranya berlaku kes pencemaran, ia akan dirujuk kepada jabatan lain yang bertanggungjawab seperti JAS dan JMG. **Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, laporan tidak dapat dikeluarkan selepas April 2014 kerana ketiadaan pembantu makmal sehingga Jun 2016. Bagaimanapun, sepanjang tempoh tersebut BKSA mengguna pakai dan merujuk laporan dari Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dan JAS bagi tindakan penambahbaikan. Selain itu, BKSA juga menyelaraskan dengan jabatan/agensi berkenaan sekiranya terdapat aduan/laporan pencemaran.**
- c. Selain itu, berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh JAS, IKA di 9 lembangan sungai di Pahang bagi tempoh 2006 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 2.1** dengan nilai purata IKA seperti di **Carta 2.2**.

Carta 2.1
Data Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Pahang Bagi Tempoh 2006 Hingga 2015



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 2.2
Purata IKA Lembangan Sungai Pahang Bagi Tempoh 2006 Hingga 2015



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

- d. Analisis Audit terhadap data IKA mendapati kualiti air 5 lembangan sungai iaitu Anak Endau, Rompin, Merchong, Pahang dan Kuantan berstatus Bersih iaitu berada dalam kelas II. Lembangan Sungai Pontian, Bebar, Balok dan Cherating pula berstatus Sederhana Tercemar. Kategori kelas sungai menunjukkan Pontian dan Cherating berada di dalam kelas II manakala Bebar dan Balok pula berada dalam kelas III. Berdasarkan Laporan JAS Tahun 2015, petunjuk pencemaran bahan organan (BOD) menunjukkan semua 9 lembangan adalah Tercemar manakala petunjuk pencemaran oleh kumbahan dan najis (AN) menunjukkan 7 lembangan iaitu Anak Endau, Rompin,

Bebar, Merchong, Pahang, Kuantan dan Cherating berstatus Sederhana Tercemar, Balok berstatus Tercemar manakala Pontian berstatus Bersih. Petunjuk pencemaran hakisan tanah (TSS) pula menunjukkan semua 9 lembangan berstatus Bersih.

- e. Aktiviti yang dikenal pasti menyumbang kepada pencemaran bahan organikan adalah daripada aktiviti pertanian dan industri pembuatan. Pencemaran oleh kumbahan dan najis pula daripada aktiviti penternakan dan buangan domestik. Manakala aktiviti pembukaan dan kerja tanah banyak menyumbang kepada pencemaran hakisan tanah. Aktiviti-aktiviti ini jika tidak dikawal akan mengurangkan fungsi air sungai dan seterusnya menjejaskan kehidupan orang awam dan kemerosotan kualiti alam sekitar.
- f. Semakan Audit selanjutnya ke atas fail aduan mendapati kes ikan mati dan air sungai berwarna hitam berlaku pada Mac 2016 di Sungai Balok (Sungai Nyior) dan sungai ini terletak di dalam Lembangan Sungai Balok. Aduan ini turut dilaporkan dalam akhbar bertarikh 20 April 2016 seperti di **Gambar 2.10**. Lawatan Audit bersama pegawai JAS ke Sungai Nyior mendapati air sungai berwarna jernih di jambatan seperti **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12** manakala air sungai berwarna hitam dan berbau di belakang kawasan perumahan seperti **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**. Siasatan menyeluruh dilaksanakan oleh JAS bermula pada Mac 2016 bagi mengenal pasti punca berlakunya air sungai menjadi hitam. Keputusan analisis kimia menunjukkan parameter *E.Coli* yang tinggi dengan nilai bacaan 49000MPN/100ml selepas kawasan hutan bakau. Manakala nilai bacaan sebelum kawasan hutan bakau pula adalah 23000MPN/100ml. Berdasarkan rekod stesen pengawasan Sungai Balok, nilai bacaan bagi parameter *E.Coli* adalah 9200MPN/100ml semasa paras air pasang dan 3500MPN/100ml semasa paras air surut. Sehingga April 2016, JAS telah melaksanakan pemantauan berterusan 2 minggu sekali bagi menentukan punca pencemaran dan memastikan kejadian ini tidak berulang serta siasatan susulan terperinci berdasarkan keputusan analisis kimia. JAS juga mencadangkan satu kajian khas berkaitan tindak balas semula jadi paya gambut dan bakau dilaksanakan oleh agensi pakar.

Sungai Nyior dicemari E-Coli

NORAWAZNI YUSOF
20 APRIL 2016

Twitter



Sungai Nyior di Balok Baru didapati mengandungi kandungan E-Coli yang tinggi.

KUANTAN - Tiada sebarang peringkat kos survelen age dilaporkan di Klinik Kesihatan Balok, di sini berhubung kandungan air Sungai Nyior yang didapati mengandungi E-Coli yang tinggi.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, air Sungai Nyior tidak disalurkan ke loji air, jadi pengguna selamat daripada ancaman tersebut.

"Malah pencemaran di sungai itu hanya di sekitar kawasan berkenaan saja berdasarkan pemeriksaan dan ujian dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Mac lalu," katanya.

Bellau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ancaman kesihatan kepada pengguna selepas JAS mengesahkan sungai tersebut mengandungi E-Coli.

Gambar 2.10
Laporan Akhbar Sungai Nyior Dicemari E-Coli

Sumber: Akhbar Sinar Harian
Tarikh: 20 April 2016

Gambar 2.11
Keadaan Sungai Nyior Di Jambatan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Nyior, Kuantan
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 2.12
Contoh Sampel Air
Yang Diambil Oleh JAS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Nyior, Kuantan
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 2.13
Keadaan Sungai Nyior Di Belakang
Kawasan Perumahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Nyior, Kuantan
Tarikh: 24 Mei 2016

Gambar 2.14
Contoh Sampel Air
Yang Diambil Oleh JAS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Nyior, Kuantan
Tarikh: 24 Mei 2016

- g. **Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, satu jawatan kuasa telah ditubuhkan bagi pemantauan Sungai Nyior, Balok yang diselaraskan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Pahang. Pemantauan sungai tersebut dijalankan oleh JAS pada setiap minggu. Satu rawatan pemulihan juga telah dilaksanakan pada 9 Ogos 2016.**
- h. Semakan Audit turut dilaksanakan terhadap status kualiti air di 6 batang sungai iaitu Riau, Semantan (Temerloh), Pahang, Tembeling, Tahan dan Semantan (Raub) berdasarkan petunjuk BOD, AN dan TSS bagi tempoh 2013 hingga 2015 seperti di **Jadual 2.4.**

Jadual 2.4
Status Kualiti Air Sungai Mengikut Petunjuk BOD, AN Dan SS Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bil.	Sungai/ Lembangan	No Stesen	Tahun								
			BOD			AN			SS		
			2013	2014	2015	2013	2014	2015	2013	2014	2015
1.	Riau/ Kuantan	3832606	74.6	69.2	60.8	84.4	90.0	78.8	83.2	70.4	78.8
		Status	P	P	P	SP	SP	SP	C	SP	C
2.	Semantan (Temerloh)/ Pahang	3424609	79.6	80.8	77.4	94.2	83.8	91.0	61.1	76.0	71.8
		Status	SP	SP	P	C	SP	SP	P	C	SP
		3521637	81.8	67.8	80.8	89.8	79.8	74.8	62.6	71.6	71.4
		Status	SP	P	SP	SP	SP	SP	P	SP	SP
		35226--	74.4	80.0	78.2	89.0	92.4	76.4	71.8	87.2	90.2
		Status	P	SP	P	SP	C	SP	SP	C	C
3.	Pahang/ Pahang	3724613	75.4	71.6	77.4	98.4	89.8	95.8	62.4	67.8	71.8
		Status	P	P	P	C	SP	C	P	P	SP
		3924614	86.6	79.8	76.2	97.4	96.2	78.6	91.0	91.0	91.0
		Status	SP	P	P	C	C	SP	C	C	C
		4023615	86.0	77.6	79.8	99.2	97.4	75.8	60.8	67.4	74.2
		Status	SP	P	P	C	C	SP	P	P	SP
4.	Tembeling/ Pahang	43246	87.2	75.0	78.6	98.2	92.0	92.0	84.8	87.2	84.4
		Status	SP	P	P	C	C	C	C	C	C
5.	Tahan/ Pahang	42236	81.2	71.8	81.8	99.4	92.0	85.2	96.6	90.6	91.0
		Status	SP	P	SP	C	C	SP	C	C	C
6.	Semantan (Raub)/ Pahang	3918643	82.6	80.2	80.4	98.8	96.6	87.8	92.8	93.0	92.2
		Status	SP	SP	SP	C	C	SP	C	C	C

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Nota:

Status	BOD	AN	SS
Bersih(C)	91 - 100	92 - 100	76 -100
Sederhana Tercemar (SP)	80 - 90	71 - 91	70 - 75
Tercemar (P)	0 - 79	0 - 70	0 - 69

- i. Analisis mendapati 5 batang sungai iaitu Riau, Semantan (Temerloh), Pahang, Tembeling dan Tahan adalah berstatus Tercemar dan Semantan (Raub) berstatus Sederhana Tercemar bagi petunjuk pencemaran BOD. Manakala, bagi petunjuk pencemaran AN, tiada sungai berstatus Tercemar. Bagaimanapun, terdapat 5 batang sungai yang berstatus Bersih pada tahun 2014 tetapi bertukar status Sederhana Tercemar pada tahun 2015 dan sungai Tembeling kekal berada di status Bersih bagi tempoh 2013 hingga 2015. Seterusnya, bagi petunjuk pencemaran TSS, 2 batang sungai iaitu Semantan (Temerloh) dan Pahang berstatus Tercemar pada tahun 2013 dan 2014 manakala Tembeling, Tahan dan Semantan (Raub) berstatus Bersih.
- j. Lawatan Audit turut dilaksanakan ke 5 batang sungai di daerah Jerantut iaitu Tekai, Pengau, Kembir, Kanchin dan Tembeling yang termasuk dalam Lembangan Sungai Pahang. Keadaan warna air sungai kekuningan disebabkan terdapat aktiviti penerokaan tanah untuk perladangan dan pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan empangan mini hidroelektrik di sekitar kawasan berdekatan dengan sungai-sungai tersebut seperti di **Gambar 2.15** hingga **Gambar 2.18**. Aktiviti penerokaan tanah ini turut dilaporkan dalam berita pada Mei 2016 dan laporan akhbar bertarikh 27 Julai 2015 berkenaan Taman Negara yang bakal lenyap seperti di **Gambar 2.19** dan **Gambar 2.20** masing-masing. Keadaan air sungai yang berwarna kekuningan seperti di **Gambar 2.21** hingga **Gambar 2.25**.

Gambar 2.15
Keadaan Penerokaan Tanah Untuk Pembangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 2.16



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 2.17
Keadaan Penerokaan Tanah Untuk Perladangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 2.18



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 2.19
Aktiviti Penerokaan Tanah



Sumber: Berita Astro Awani
Tarikh: Mei 2016

Gambar 2.20
Keratan Akhbar

Taman Negara Bakal Lenyap

Aktiviti pembalakan punca Sungai Pahang cetek, alam semula jadi musnah

Taman Negara bakal lenyap



Sumber : Akhbar Kosmo Online
Tarikh : 27 Julai 2015

Gambar 2.21
Warna Air Sungai Yang Kekuningan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Tembeling, Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 2.22




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Tembeling, Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 2.23
Warna Air Sungai Yang Kekuningan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Pengau, Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016

Gambar 2.24
Keadaan Sungai Yang Berdekatan Dengan Kawasan Penerokaan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Kanchin, Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016



Gambar 2.25
Warna Air Sungai Yang Kekuningan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Kembir, Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016

- k. Aktiviti penerokaan tanah di hulu sungai menyebabkan kualiti air di muka sauk turut terjejas. Lawatan Audit ke LRA Batu Embun, Jerantut mendapati parameter kekeruhan (NTU) air Sungai Tembeling pada 30 Mei 2016 dan 31 Mei 2016 melebihi parameter yang dibenarkan iaitu 1,000NTU seperti di **Gambar 2.26** dan **Gambar 2.27**. Keadaan air ketika itu berwarna kekuningan seperti di **Gambar 2.28**.

Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh Januari hingga Mei 2016, LRA Batu Embun telah ditutup selama tempoh 4 jam akibat kemungkinan punca pencemaran daripada aktiviti perladangan dan perlombongan. Selain itu, lawatan Audit juga dilaksanakan ke muka sauk LRA Kampung Bantal, Ulu Tembeling Jerantut dan LRA Sungai Bilut, Raub seperti di **Gambar 2.29** dan **Gambar 2.30**. Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh Januari hingga Mei 2016, LRA Sungai Bilut pernah ditutup sebanyak 21 kali dengan tempoh 106 jam akibat kemungkinan punca pencemaran daripada aktiviti pertanian dan penerokaan tanah.

Gambar 2.26

Keadaan Sampel Air Sungai Yang Diambil Oleh PAIP



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Batu Embun, Jerantut
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 2.27

Keadaan Sampel Air Sungai Yang Diambil Oleh PAIP




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Batu Embun, Jerantut
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 2.28
Warna Air Sungai
Yang Kekuningan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Batu Embun, Jerantut
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 2.29
Keadaan Air Di Muka Sauk
LRA Kampung Bantal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Kg Bantal, Ulu Tembeling Jerantut
Tarikh: 1 Jun 2016



Gambar 2.30
Keadaan Air Di Muka Sauk
LRA Sungai Bilut

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Sungai Bilut, Raub
Tarikh: 31 Mei 2016

- I. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2013 hingga Mei 2016 kekerapan penutupan LRA adalah sebanyak 602 kali selama 3,227½ jam. Daerah yang merekodkan kekerapan penutupan tertinggi ialah Raub, Lipis dan Jerantut. Kebanyakan punca kemungkinan disebabkan aktiviti penerokaan tanah, perladangan, pembalakan dan perlombongan. Butiran terperinci seperti di **Jadual 2.5. Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, operasi LRA akan dihentikan sekiranya nilai NTU melebihi 1000 kerana loji tidak mampu merawat air mentah yang mempunyai nilai NTU yang tinggi. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2016, LRA Batu Embun telah ditutup operasi selama 4 jam manakala sehingga Ogos 2016 tiada berlaku gangguan NTU. Kekerapan penutupan LRA yang tinggi disebabkan tahap kekeruhan yang tinggi dan melebihi 1000 NTU. Antara punca yang menyebabkan ia berlaku adalah aktiviti penerokaan tanah/pertanian oleh agensi dan individu berkaitan.**

Jadual 2.5
Kekerapan Penutupan LRA Bagi Tempoh 2013 Hingga Mei 2016


Bil.	Daerah	Tempoh (Jam)	Kekerapan (Kali)	Punca Kemungkinan
1.	Raub	1,266	233	Perladangan, pembalakan dan perlombongan
2.	Lipis	1,039	181	Perladangan, pembalakan dan perlombongan
3.	Jerantut	400½	65	Perladangan, pembalakan dan perlombongan
4.	Bentong	257½	55	Perladangan, pembalakan, kerja korek pasir dan perlombongan
5.	Maran	98	20	Perladangan, pembalakan dan perlombongan
6.	Cameron Highlands	78½	18	Perladangan dan pertanian
7.	Rompin	55½	21	Perladangan, pembalakan dan perlombongan
8.	Kuantan	17	4	Pembalakan dan pertanian
9.	Temerloh	13	3	Perladangan dan kerja korek
10.	Bera	7	1	Penerokaan tanah
11.	Pekan	2½	1	Air payau/ Air laut pasang
Jumlah		3,227½	602	

Sumber: Pengurusan Air Pahang Berhad

2.4.2.2. Perlombongan Bauksit

- a. Aktiviti perlombongan bauksit turut menyumbang kepada pencemaran air sungai di daerah Kuantan. Pelepasan efluen dan air larian permukaan sisa bauksit ke dalam sistem saliran boleh menyebabkan kehadiran logam berat (*heavy metal*) berbahaya yang tinggi dan pembentukan enapan/kelodak di sungai dan laut. Antara kesan-kesannya ia menjejaskan kualiti air mentah, penutupan LRA, kesihatan orang awam dan aktiviti perikanan. Akibatnya, Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan moratorium untuk menghentikan sementara aktiviti perlombongan dan eksport bauksit di daerah Kuantan selama 3 bulan mulai 15 Januari 2016 dan dilanjutkan sehingga 15 September 2016. Ia bagi membolehkan pelan tindakan penyelesaian pencemaran dapat dilaksanakan. Oleh sebab isu bauksit merupakan isu nasional dan serius, Kerajaan Negeri Pahang juga telah mengadakan beberapa mesyuarat yang melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan seperti JAS, JKN, JMG dan Majlis Perbandaran Kuantan untuk menyelesaikan isu bauksit.
- b. Semakan Audit mendapati JAS telah melaksanakan program pengawasan bagi kualiti beberapa batang sungai di daerah Kuantan yang dipilih kerana berada di kawasan yang terlibat dengan aktiviti bauksit seperti Riau, Mabok, Pinang, Kuantan dan Kuala Sungai Karang. Selain itu, sungai-sungai lain seperti Taweh, Rong, Pengorak dan Kuala Sungai Pengorak turut dipantau oleh JAS berdasarkan aduan yang diterima. Kekerapan pensampelan adalah 4 kali setahun bermula Ogos 2015.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati JAS telah melaksanakan pensampelan seperti yang dirancang. Analisis Audit terhadap laporan pensampelan kualiti air berdasarkan 3 jenis parameter iaitu logam berat *Iron*, Raksa dan Aluminium di 9 buah lokasi di Sungai Riau, Mabok, Pinang, Kuantan dan Kuala Sungai Karang mendapati kebanyakan sungai telah melebihi piawai *National Water Quality Standards For Malaysia*. Parameter tertinggi bagi Aluminium ialah 7.3mg/L di Sungai Kuantan pada Februari 2016. Manakala parameter yang tertinggi bagi *Iron* pula ialah 10.32mg/L di Sungai Riau pada Ogos 2015. Bagaimanapun, bagi parameter Raksa pula, laporan menunjukkan tiada pelanggaran selepas Ogos 2015 di semua lokasi.
- d. Selain itu, JAS telah melaksanakan program pengawasan ke atas Sungai Taweh yang melibatkan aduan pencemaran yang disyaki daripada aktiviti pencucian bauksit dan Sungai Rong yang melibatkan pelencongan aliran sungai ke Sungai Reman. Peta lakaran skematik JAS menunjukkan lokasi aktiviti pencucian bauksit yang berhampiran dengan Sungai Taweh dan Sungai Rong. Air dari Sungai Taweh dan Sungai Rong ini akan mengalir ke muka sauk LRA Bukit Sagu dan Bukit Goh seperti di **Peta 2.1**.

Peta 2.1
Peta Lakaran Skematik Lokasi Aktiviti Pencucian Bauksit Berhampiran
Sungai Rong dan Sungai Taweh



Sumber: Jabatan Alam Sekitar


- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati JAS telah melaksanakan pensampelan di Sungai Taweh dan Sungai Rong pada November 2015. Keputusan analisa kimia mendapati kandungan sampel air sungai yang diambil untuk analisa bagi parameter Aluminium bagi Sungai Taweh dan Sungai Rong ialah 1.5mg/L dan 0.96mg/L masing-masing. Keputusan analisa kimia ini telah melebihi piawai kumpulan IV (0.5mg/L) *National Water Quality Standards For Malaysia*. Seterusnya, pada Mac 2016, JAS telah melaksanakan pengawasan buat kali kedua di Sungai Taweh dan keputusan analisa kimia mendapati kandungan sampel air sungai yang diambil untuk analisa bagi parameter Aluminium juga telah melebihi piawai.
- f. Sehubungan itu, Pejabat Tanah Galian (PTG) dan JMG akan mengawal kolam mendakan tersebut supaya tidak berlaku limpahan ke Sungai Taweh dan antara langkah yang akan diambil ialah menyedut air dan menutup kolam dengan tanah. Lawatan Audit ke kolam mendakan pemprosesan bauksit berdekatan dengan Sungai Taweh mendapati jarak kolam tersebut adalah hampir dengan sungai dengan anggaran 50 meter. Selain itu, didapati tindakan untuk menutup kolam tersebut masih belum diambil. Pemeriksaan Audit turut mendapati paras air di dalam kolam mendakan rendah disebabkan penyejatan air yang terjadi akibat cuaca panas. Bagaimanapun, kolam itu berisiko untuk pecah jika berlaku hujan lebat. Jarak kolam mendakan yang berhampiran dengan sungai dan keadaan kolam seperti di **Gambar 2.31** dan **Gambar 2.32**.

Gambar 2.31
Jarak Kolam Mendakan Dengan Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Taweh, Kuantan
Tarikh: 25 Mei 2016

Gambar 2.32
Keadaan Kolam Mendakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Taweh, Kuantan
Tarikh: 25 Mei 2016

Pada pendapat Audit, purata IKA di 5 lembangan sungai adalah dalam kategori Bersih manakala 4 lembangan dalam kategori Sederhana Tercemar. Aktiviti-aktiviti penerokaan tanah seperti perladangan, pembalakan dan perlombongan telah menyebabkan pencemaran kualiti sumber air mentah dan penutupan loji rawatan air.

2.4.3. Pewartaan Kawasan Tadahan/Lembangan Sungai

2.4.3.1. Pewartaan Kawasan Tadahan Air

- a. Kawasan tadahan air ialah kawasan air yang ditampung secara semula jadi melalui landskapnya dan air yang keluar dari kawasan ini akan mengalir ke dalam tasik, sungai dan laut. Mengikut Seksyen 6(1), Enakmen Sumber Air 2007 menjelaskan Pihak Berkuasa Negeri boleh jika difikirkan bahawa adalah perlu dan suai manfaat untuk melindungi atau memelihara mana-mana sumber air, mengisytiharkan mana-mana tasik dan sumber air serta sebahagian atau sekelilingnya sebagai kawasan tadahan melalui suatu perintah yang disiarkan dalam warta. BKSA bertanggungjawab merancang pengurusan kawasan tadahan air secara bersepadu dan menetapkan sempadan kawasan tadahan, aktiviti di dalamnya, membuat peraturan dalam kawasan tadahan serta mengisytiharkan kawasan pembekalan air mentah.
- b. Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 2 Tahun 2015, Panduan Penubuhan Dan Pengurusan Kawasan Hutan Tadahan Air (HTA) Dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Di Semenanjung Malaysia, menyatakan keperluan untuk menubuhkan kawasan hutan tadahan air. Antara tujuan penubuhan HTA adalah untuk melindungi kawasan HSK yang mempunyai ciri-ciri kawasan tadahan bagi tujuan menjamin sumber air secara berkekalan dan sebagai kawasan penyelidikan dan pembelajaran dalam aspek pemeliharaan dan perlindungan kawasan hutan untuk tadahan air. Pekeliling ini adalah sebagai panduan JPNP untuk mengenal pasti kawasan HSK yang sesuai untuk dikelaskan sebagai HTA dan seterusnya mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagiewartakan

pengkelasan tersebut demi kepentingan masyarakat dan sumber air negara. Kawasan HSK yang boleh dicadangkan sebagai HTA hendaklah mempunyai mana-mana satu atau lebih ciri-ciri seperti kawasan tadahan untuk empangan yang menjadi sumber air mentah untuk kegunaan domestik; kawasan tadahan untuk muka sauk (*water intake*) yang membekalkan air mentah terus ke loji rawatan air dan kawasan tadahan bagi sungai yang digunakan untuk tujuan rekreasi.

- c. Semakan Audit mendapati, BKSA tidak pernahewartakan mana-mana kawasan sumber air sebagai kawasan tadahan kerana belum mengguna pakai sepenuhnya Seksyen 6(1), Enakmen Sumber Air 2007. Bagaimanapun, proses pewartaan kawasan HTA di Negeri Pahang pada masa ini dilaksanakan oleh JPNP. Sehingga tahun 2015, sebanyak 17 HSK seluas 243,192.61 hektar (ha) telah selesai diwartakan sebagai HTA. Manakala 3 HSK seluas 15,759.27ha masih belum selesai proses pewartaan seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Status Pewartaan Kawasan HTA Di Negeri Pahang

Status Pewartaan Kawasan HPA Di Negeri Kelantan						
Bil.	Daerah	Mukim	HSK	Luas (HA)	Status Warta	No.Pelan Warta
1.	Jerantut	Hulu Tembeling	Gunung Aais	15,515.00	Dalam Proses pewartaan	
2.	Lipis	Batu Yon	HS. Hulu Jelai	179.42	Telah Diangkat Untuk Warta Ke PUU	PW. 5096
		Telang	HS. Aur Gading	64.85	Telah Diangkat Untuk Warta Ke PUU	PW. 5184
Jumlah				15,759.27		

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- d. Analisis Audit mendapati sehingga Mei 2016, status pewartaan bagi kawasan HTA daerah Lipis seluas 244.27ha yang merangkumi Hutan Simpan Hulu Jelai dan Hutan Simpan Aur Gading telah dihantar kepada Penasihat Undang-undang Negeri Pahang (PUU) untuk disiar wartakan. Bagaimanapun, cadangan pewartaan kawasan HTA bagi Hutan Simpan Gunung Aais di daerah Jerantut yang seluas 15,515ha masih belum dilaksanakan. JPNP telah mewartakan HSK ini sebagai Hutan Perlindungan Tanah pada 28 April 2005 dengan pelan warta bernombor PW3808.
- e. Mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri Pahang (MSANg) Bilangan 1 Tahun 2014 ada menyatakan, supaya satu kajian semula berkenaan pewartaan kawasan tadahan air daripada segi jumlah keluasan dan lokasi kawasan hendaklah dilaksanakan. Ia perlu dikaji semula memandangkan banyak kawasan tadahan telah dimajukan sebagai kawasan pengeluaran sumber seperti pertanian, pembalakan, perlombongan dan sebagainya. Ia memberi kesan langsung terhadap kecukupan sumber air terutamanya untuk bekalan air terawat, pertanian, perikanan dan kualiti air sungai. JPNP juga perlu membatalkan pewartaan ke atas kawasan HTA yang berpotensi

untuk pembangunan serta mewujudkan kawasan HTA yang baru untuk mengekal atau menambah keluasan kawasan HTA. Sehingga Jun 2016, JPNP telah menyediakan kertas cadangan warta keluar bagi kawasan seluas 20,056.11ha dan warta masuk seluas 106,226.52ha. Bagaimanapun, cadangan pewartaan ini masih belum dilaksanakan. **Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, JPNP masih dalam proses semakan untuk memuktamadkan cadangan pewartaan masuk dan keluar Hutan Tadahan Air tersebut dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kesesuaian dan keperluan kawasan-kawasan yang terlibat sebagai HTA sebelum cadangan tersebut diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan.**

- f. Analisis Audit selanjutnya terhadap perbandingan keluasan HTA dengan HSK mendapati peratus keluasan kawasan HTA yang telah diwartakan pada tahun 2014 adalah 15.6% daripada jumlah luas keseluruhan HSK iaitu 1,562,900.05ha. Daerah Bentong, Raub, Cameron Highlands dan Rompin mempunyai kawasan HTA yang terluas dengan peratus keluasan HTA daripada HSK antara 38.6% hingga 47.0%. Bagaimanapun, keluasan kawasan HTA bagi daerah Kuantan, Pekan, Maran, Lipis adalah kurang 10.0% daripada keluasan kawasan HSK. Manakala, daerah yang mempunyai HSK yang terluas di Negeri Pahang iaitu Jerantut dengan keluasan 371,478.16ha, bagaimanapun belum ada kawasan HTA yang diwartakan. Oleh yang demikian, masih terdapat kawasan HSK yang berpotensi untuk dicadangkan sebagai kawasan HTA. Butiran terperinci seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Perbandingan Keluasan HTA Dengan HSK Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Luas HSK Tahun 2014 (ha)	Luas HTA (ha)	Peratus HTA (%)
1.	Bentong	99,542.52	46,819.12	47.0
2.	Jerantut	371,478.16	0.00	0.0
3.	Kuantan/Pekan/Maran	285,000.99	13,283.94	4.7
4.	Lipis	277,360.67	244.27	0.1
5.	Raub/Cameron Highlands	187,717.47	86,412.00	46.0
6.	Rompin	195,284.24	75,436.00	38.6
7.	Temerloh/Bera	146,516.00	21,241.50	14.5
Jumlah		1,562,900.05	243,436.83	15.6

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- g. Perkara ini berlaku kerana JPNP masih belum melaksanakan sepenuhnya Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 2 Tahun 2015. Manakala, Enakmen Sumber Air 2007 pula belum diguna pakai sepenuhnya dan hanya BKSA bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan enakmen tersebut. Kelewatan dalamewartakan kawasan HTA yang berpotensi menyebabkan ia terdedah kepada pencerobohan dan risiko aktiviti yang tidak dibenarkan yang boleh mencemarkan sumber air serta sukar untuk mengambil tindakan undang-undang jika disabitkan kesalahan.

2.4.3.2. Empangan Chereh

- a. Empangan Chereh ini telah siap dibina pada tahun 2008 dengan keupayaan 1,934 juta liter sehari yang membekalkan air ke daerah Kuantan. Luas kawasan tadahan dalam kawasan empangan ialah 152km persegi yang terletak dalam Hutan Simpan Tadahan Air Reman Chereh dengan Sungai Chereh dan Sungai Bakah menjadi sumber aliran air mentah ke kawasan empangan. Luas kolam takungan air ialah 16.2km² dan mampu menakung air sejumlah 260 juta m³. Empangan utama mempunyai ketinggian 48m dan panjang 400m dengan paras bekalan air (*supply level*) 74.0m serta kedalaman air maksimum 50m.
- b. Semakan Audit mendapati permohonan merizabkan Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara bagi maksud kegunaan tapak kawasan larangan atau kawasan sasaran penting di Empangan Chereh telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan yang ke-4/2013 pada 23 Januari 2013 dengan keluasan 59.07ha. **Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, status pewartaan adalah masih di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan.**
- c. Laporan Penilaian Alam Sekitar Oktober 1998 melaporkan masalah mendapan di dasar empangan akibat aktiviti pertanian, perlombongan dan pembalakan di hulu sungai boleh mengurangkan jangka hayat empangan. Sehubungan itu, BKSA telah memperuntukkan sejumlah RM2.64 juta untuk kerja-kerja penyenggaraan kolam takungan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Lawatan Audit mendapati sisa kayu balak belum dibersihkan di kawasan sekitar alur limbah seperti di **Gambar 2.33** dan **Gambar 2.34**. **Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, kerja-kerja pembersihan balak masih tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana melibatkan kos yang besar.**

Gambar 2.33
Keadaan Sisa Kayu Balak Yang Hanyut Di Alur Limpah Belum Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Chereh, Kuantan
Tarikh: 23 Mei 2016

Gambar 2.34



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Empangan Chereh, Kuantan
Tarikh: 23 Mei 2016

Pada pendapat Audit, status pewartaan HTA dan pengurusan Empangan Chereh adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih ada kawasan HSK yang luas dan berpotensi untuk dicadangkan sebagai kawasan HTA, memandangkan peratus keluasan HTA yang diwartakan adalah 15.6% daripada keluasan keseluruhan HSK.

2.4.4. Pelesenan Dan Penguatkuasaan

2.4.4.1. Pelesenan

- a. Mengikut Seksyen 11(1)(b) Enakmen Sumber Air 2007, BKSA bertanggungjawab menentukan piawaian kemudahan-kemudahan dan piawaian perkhidmatan serta pelaksanaan dan penguatkuasaannya berkenaan dengan sumber air mentah. Seksyen 17(1) Enakmen Sumber Air 2007, Pihak Berkuasa Negeri menetapkan tiada seorang pun boleh melakukan aktiviti-aktiviti tanpa lesen. Antara aktiviti tersebut seperti menyenggara sistem pembekalan air mentah; menyediakan perkhidmatan pembekalan air mentah serta mengubah haluan sungai. Premis, pengusaha industri atau individu yang ingin menggunakan sumber air bagi tujuan komersial seperti kegunaan penjaan kuasa elektrik, pertanian dan industri hendaklah memohon Lesen Penggunaan Sumber Air (LPSA) kecuali bagi kegunaan domestik. Selain daripada LPSA, terdapat juga lesen jeti atau pentas pendaratan atau jambatan.
- b. Kadar caj yang dikenakan mengikut Kaedah-kaedah Air (Pindaan) 2008, ialah sebanyak RM0.20/1000 gelen (RM0.044/m³). Setiap satu permohonan LPSA yang diluluskan pula, akan dikenakan fi sebanyak RM500/tahun dan perlu diperbaharui setiap tahun. Tempoh sah LPSA adalah selama satu tahun dan permohonan untuk pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan 3 bulan sebelum tamat tempoh lesen semasa. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMK) yang ke 27/2009 pada 26 Ogos 2009, telah bersetuju bahawa semua permohonan lesen dan pembaharuan lesen pengeluaran, pembekalan dan ubah haluan sumber air di Negeri Pahang hendaklah diangkat ke mesyuarat MMK untuk diluluskan. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2015, sebanyak 127 pemegang LPSA telah diluluskan dan 2 lesen jeti/pentas pendaratan/jambatan dikeluarkan.
- c. Mengikut Seksyen 50(1) Enakmen Sumber Air 2007, semua pemegang lesen hendaklah membekalkan dan memastikan semua meter air mentah berada dalam keadaan baik. Pemasangan meter hendaklah mengikut spesifikasi minimum yang telah ditetapkan bagi menentukan kuantiti air yang digunakan atau dikeluarkan dalam unit meter padu (m³). Sehingga Ogos 2016, sebanyak 10 daripada 127 pemegang lesen masih belum menggunakan meter air seperti yang ditetapkan oleh enakmen. BKSA akan menggunakan kaedah pengiraan kuantiti air mentah berdasarkan buah tandan segar yang telah proses (BTS) jika premis tidak menggunakan meter air. Lawatan Audit ke 5 buah premis pemegang lesen di Kuantan, Temerloh dan Raub mendapati semua premis tersebut menggunakan meter air yang ditetapkan seperti di **Gambar 2.35** dan **Gambar 2.36**.

Gambar 2.35
Meter Air Di Premis Pemegang Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Temerloh
Tarikh: 30 Mei 2016

Gambar 2.36



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Raub
Tarikh: 31 Mei 2016

- d. Semakan Audit mendapati, ada aktiviti penggunaan sumber air di sepanjang lembangan sungai yang berpotensi untuk mendatangkan hasil kepada kerajaan negeri seperti aktiviti mengambil, mengalih dan mengangkut pasir sungai. Sehingga Jun 2016 sebanyak 155 permit telah dikeluarkan kepada pengusaha perlombongan pasir sungai di Negeri Pahang. Oleh yang demikian anggaran hasil yang boleh diperoleh daripada pengeluaran LPSA adalah berjumlah RM77,500 setahun. **Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, siasatan perlu dilaksanakan terlebih dahulu untuk memastikan aktiviti tersebut sesuai/tidak dilesenkan. Aktiviti perlombongan pasir belum dikenakan Lesen Penggunaan Sumber Air dan ia di bawah pemantauan Pejabat Daerah dan Tanah.**

2.4.4.2. Penguatkuasaan

- a. Mengikut Seksyen 37(1)(f), Enakmen Sumber Air 2007, menjelaskan sesiapa yang mengubah, mengangkut, mengubah haluan atau mengambil air mentah daripada mana-mana sistem pembekalan air mentah boleh didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Semakan Audit terhadap pemantauan sumber air mentah mendapati BKSA masih belum melaksanakan aktiviti penguatkuasaan berdasarkan peruntukan enakmen kerana tiada Unit Penguatkuasaan diwujudkan. Oleh yang demikian tiada tindakan undang-undang yang diambil oleh BKSA ke atas kesalahan di bawah seksyen ini. Pada masa ini, tindakan penguatkuasaan kawal selia air dilaksanakan mengikut sektor seperti yang diputuskan di dalam mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri (MSANG) Pahang, Bilangan 1/2014 pada 24 Julai 2014 seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Penguatkuasaan Kawal Selia Air Mengikut Sektor

Bil.	Sektor	Jabatan Bertanggungjawab
1.	Banjir, Sungai, Pantai & Tasik	Jabatan Pengairan Dan Saliran
2.	Penguatkuasaan Tanah	Pejabat Tanah Galian Negeri Pahang
3.	Air Domestik, Penguatkuasaan	Badan Kawal Selia Air
4.	Mineral Galian, Air Bawah Tanah	Jabatan Mineral Dan Geosains
5.	Pencemaran	Jabatan Alam Sekitar

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- b. Pemantauan yang dilaksanakan oleh BKSA adalah berdasarkan aduan orang awam. Bagi tempoh 2013 hingga 2015 sebanyak 16 aduan telah direkodkan. Analisis Audit mendapati aduan yang diterima adalah berkaitan isu pencemaran seperti kekeruhan air mentah, masalah bekalan air, penutupan operasi loji air dan aduan kerja perlombongan pasir. Selain itu, BKSA juga melaksanakan pemantauan bersama dengan agensi lain seperti JAS, JKN dan JPS. **Maklum balas daripada BKSA bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, penguatkuasaan dilaksanakan oleh jabatan/agensi lain manakala BKSA bertindak sebagai penyelarasan dan pemantauan dibuat sekiranya ada aduan/laporan. Sehingga kini, tiada lagi kes-kes yang perlu diambil tindakan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan adalah kurang memuaskan. Ia kerana masih terdapat aktiviti penggunaan air mentah yang berpotensi seperti perlombongan pasir yang belum dikenakan caj dan BKSA belum melaksanakan aktiviti penguatkuasaan mengikut Enakmen Sumber Air 2007.

2.4.5. Pengurusan Hasil (Caj Air Mentah)

2.4.5.1. Semakan Audit terhadap jumlah royalti air mentah yang diterima mendapati sejumlah RM4.72 juta telah dikutip bagi tempoh 2013 hingga 2015. Ia merangkumi pendapatan daripada caj penggunaan sumber air bagi penjanaan kuasa elektrik yang berjumlah RM200,000 dan caj air mentah kepada pemegang lesen yang berjumlah RM4.52 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Kutipan Royalti Air Mentah Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bil.	Daerah	Tahun			Jumlah (RM)
		2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	
1.	Bentong	390,374	425,746	325,560	1,141,680
2.	Bera	51,035	120,797	113,436	285,268
3.	Jerantut	58,595	15,461	100,480	174,536
4.	Kuantan	623,000	473,253	937,187	2,033,440
5.	Lipis	-	-	-	-
6.	Maran	34,214	8,334	7,004	49,552
7.	Pekan	-	-	-	-
8.	Raub	35,465	25,701	43,722	104,888
9.	Rompin	85,206	62,159	61,942	209,307
10.	Temerloh	256,895	285,975	175,166	718,036
Jumlah		1,534,784	1,417,426	1,764,497	4,716,707

Sumber: Badan Kawal Selia Air

2.4.5.2. Jumlah caj yang dikenakan akan direkodkan dalam Buku Daftar Caj yang disediakan oleh Unit Sumber Air Dan Mutu Air dan dibilkan sebanyak 2 kali setahun. Kuantiti dan caj penggunaan air mentah bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Kuantiti Dan Caj Penggunaan Air Mentah Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bil.	Daerah	Kuantiti Dan Caj Penggunaan Air Mentah (Juta)					
		2013		2014		2015	
		(m ³)	(RM)	(m ³)	(RM)	(m ³)	(RM)
1.	Bentong	9.97	0.44	9.46	0.42	3.63	0.16
2.	Bera	2.82	0.12	2.09	0.09	2.55	0.11
3.	Jerantut	0.97	0.04	1.19	0.05	1.06	0.05
4.	Kuantan	3.17	0.14	3.10	0.14	3.20	0.14
5.	Lipis	0.70	0.03	0.52	0.02	0.26	0.01
6.	Maran	2.68	0.12	2.67	0.12	2.31	0.10
7.	Pekan	1.98	0.09	2.22	0.10	2.15	0.09
8.	Raub	1.13	0.05	1.07	0.05	0.75	0.03
9.	Rompin	6.13	0.27	7.86	0.35	6.98	0.31
10.	Temerloh	4.73	0.21	3.02	0.13	5.25	0.23
Jumlah		34.29	1.51	33.19	1.46	28.14	1.24

Sumber: Badan Kawal Selia Air

2.4.5.3. Analisis Audit mendapati bagi tempoh 2013 hingga 2015, sebanyak 95.62 juta m³ kuantiti penggunaan air mentah telah dibilkan yang berjumlah RM4.21 juta. Daerah Bentong merekodkan penggunaan air mentah yang tertinggi iaitu 23.06 juta m³ manakala daerah Lipis pula merekodkan penggunaan air mentah yang terendah iaitu 1.48 juta m³. Semakan Audit mendapati BKSA tidak mempunyai sistem pemantauan ke atas bayaran tunggakan. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan mulai Disember 2015.

Pada pendapat Audit pengurusan hasil caj air mentah adalah kurang memuaskan dengan kutipan royalti bagi tempoh 2013 hingga 2015 berjumlah hanya RM4.72 juta berbanding negeri-negeri lain seperti Negeri Johor sejumlah RM86.6 juta dan Negeri Perak berjumlah RM199.9 juta.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Kawal Selia Air dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan adalah disyorkan BKSA dan jabatan serta agensi yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. BKSA perlu melaksanakan Enakmen Sumber Air 2007 secara menyeluruh supaya pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab BKSA dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan berupaya untuk menambah pungutan hasil kepada Kerajaan Negeri Pahang.

2.5.2. Memandangkan berlakunya permintaan air disebabkan pembangunan dan perubahan cuaca, BKSA hendaklah giat berusaha untuk meningkatkan kapasiti storan,

menerokai secara aktif sumber alternatif dan mempercepat pelaksanaan projek yang dicadangkan dalam Kajian Sumber Air Negara untuk memastikan ketersediaan bekalan sumber air yang mencukupi khususnya semasa musim kering.

2.5.3. JPNP perlu melaksanakan pewartaan Hutan Tadahan Air secara menyeluruh bagi memastikan kawasan tersebut terpelihara dan meningkatkan keberkesanan pemantauan serta penguatkuasaan di samping mengelakkan pencerobohan dan pencemaran.

MAJLIS DAERAH PEKAN MAJLIS DAERAH RAUB MAJLIS DAERAH BERA

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan adalah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui tender, sebut harga atau lantikan terus. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis.

3.1.2. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, Majlis Daerah Pekan (MDP), Majlis Daerah Raub (MDR) dan Majlis Daerah Bera (MDB) telah melaksanakan perolehan yang dibuat sama ada secara tender, sebut harga dan lantikan terus. Kos perbelanjaan yang terlibat sepanjang tempoh tersebut berjumlah RM86.98 juta seperti di **Jadual 3.1**. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 15 perolehan berjumlah RM14.09 juta telah dilaksanakan melalui tender manakala sebanyak 373 perolehan yang berjumlah RM68.30 juta dibuat melalui sebut harga dan sebanyak 255 perolehan lagi dibuat melalui lantikan terus yang berjumlah RM4.59 juta.

Jadual 3.1
Perolehan Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Raub Dan Majlis Daerah Bera
Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bagi Tempoh 2015 Hingga 2015									
Bil.	PBT	Kaedah Perolehan						Jumlah	
		Tender		Sebut Harga		Lantikan Terus			
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
1.	MDP	8	8.15	117	29.60	190	2.04	315	39.79
2.	MDR	4	3.90	106	15.13	65	2.55	175	21.58
3.	MDB	3	2.04	150	23.57	-	-	153	25.61
Jumlah		15	14.09	373	68.30	255	4.59	643	86.98

Sumber: MDP, MDR dan MDB

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di MDP, MDR dan MDB telah dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan mengambil kira faktor ekonomik dan kecekapan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah ditumpukan kepada pengurusan perolehan oleh MDP, MDR dan MDB bagi tempoh 2013 hingga 2015 yang dibuat secara tender, sebut harga dan lantikan terus. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan bagi sampel yang dipilih serta mengkaji dan menganalisis data yang terlibat. Selain itu, lawatan ke tapak projek serta temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Yang Dipertua MDP, MDR dan MDB serta pegawai-pegawai yang berkenaan diadakan pada 12 Ogos 2016 bagi mendapatkan maklum balas mengenai perkara berbangkit.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April 2016 hingga Julai 2016 mendapati secara keseluruhan pengurusan perolehan di MDP, MDR dan MDB adalah memuaskan. Sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi berkaitan perolehan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Manakala, Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender, Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender juga diwujudkan di MDP, MDR dan MDB. Selain itu, MDB telah mengenakan Denda Lewat atau *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) kepada kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, didapati wujud beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Pelaksanaan *Integrity Pact* tidak secara menyeluruh di MDR dan MDB.
- Kompleks Pelancongan Tasek Bera, dewan konvensyen dan arked niaga di MDB masih belum disiapkan walaupun lanjutan masa telah diberikan.
- Rumah kedai dan bangunan IKS di MDP tidak digunakan.
- Lima buah dewan di MDR tidak diselenggarakan dengan sempurna.

3.4.1. Prestasi Perolehan

3.4.1.1. Pelaksanaan perolehan oleh Majlis dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan selain permohonan daripada orang awam dan Ahli Majlis. Arahan Perbendaharaan 193 dan Surat Pekeliling Bil. 5 Tahun 2009 mengenai Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi semasa pemilihan kontraktor melalui tender, sebut harga atau lantikan terus. Antaranya perolehan hendaklah menguntungkan Kerajaan berdasarkan faktor harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kualiti, kuantiti, tempoh siap/serahan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan. Bagi pemilihan kontraktor pula ia hendaklah mengambil kira rekod kerja terdahulu, keupayaan teknikal dan kewangan serta kerja semasa dalam tangan.

3.4.1.2. Semakan Audit di MDP, MDR dan MDB bagi tempoh 2013 hingga 2015 mendapati MDP telah memperuntukkan sejumlah RM41.25 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM39.79 juta atau 96.5% telah dibelanjakan melibatkan sebanyak 315 bilangan perolehan. Manakala MDR telah memperuntukkan sejumlah RM29.65 juta bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM21.58 juta atau 72.7% telah dibelanjakan melibatkan sebanyak 175 bilangan perolehan. MDB pula telah memperuntukkan sejumlah RM34.87 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM25.61 juta atau 73.4% telah dibelanjakan melibatkan sebanyak 153 bilangan perolehan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan MDP, MDR Dan MDB Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Perolehan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Majlis Daerah Pekan	315	41.25	39.79	96.5
2.	Majlis Daerah Raub	175	29.65	21.58	72.7
3.	Majlis Daerah Bera	153	34.87	25.61	73.4
Jumlah Keseluruhan		643	105.77	86.98	82.2

Sumber: MDP, MDR dan MDB

Pada pendapat Audit, prestasi penggunaan peruntukan perolehan di MDP adalah baik iaitu 96.5%. Manakala di MDR dan MDB adalah memuaskan iaitu masing-masing sebanyak 72.7% dan 73.4%.

3.4.2. Tatacara Perolehan

3.4.2.1. Pelaksanaan *Integrity Pact*

- a. Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corruption*. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 1 April 2010 yang menghendaki semua Agensi Kerajaan melaksanakan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan. Secara ringkasnya *Integrity Pact* merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan Kerajaan.
- b. Semakan Audit terhadap pelaksanaan *Integrity Pact* mendapati MDP telah melaksanakan secara keseluruhan *Integrity Pact* dengan memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan *Integrity Pact* tidak secara menyeluruh di MDR dan MDB.
- c. **Berdasarkan maklum balas MDR bertarikh 12 Ogos 2016, tindakan segera telah diambil bagi melaksanakan secara keseluruhan *Integrity Pact*. Manakala MDB telah melaksanakan secara keseluruhan *Integrity Pact* mulai tawaran sebut harga MDB/KEJ23/2016 yang diiklankan pada 19 Julai 2016.**

3.4.2.2. Pelantikan Jawatankuasa Sebut Harga

- a. Arahan Perbendaharaan 170.3 menetapkan keputusan mengenai sebut harga hendaklah dibuat oleh satu Jawatankuasa yang dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dengan keahlian sekurang-kurangnya 3 orang.
- b. Semakan Audit terhadap pelantikan jawatankuasa di MDP, MDR dan MDB mendapati semua pegawai yang terlibat dengan pengurusan perolehan ada diberikan kuasa secara bertulis. Bagaimanapun, surat penurunan kuasa di MDB tidak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa sejak tahun 2013.
- c. **Berdasarkan maklum balas MDB bertarikh 12 Ogos 2016, surat penurunan kuasa diperbaharui semula pada 11 Ogos 2016 bagi Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan Jawatankuasa Perolehan.**

Pada pendapat Audit, tatacara pengurusan perolehan di MDP adalah memuaskan manakala di MDR dan MDB perlu dipertingkatkan lagi.

3.4.3. Prestasi Pelaksanaan Perolehan

Setiap perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan hendaklah dibekalkan/disiapkan oleh pembekal/kontraktor mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam inden kerja/kontrak asal/lanjutan masa yang diluluskan dan mengikut spesifikasi yang terkandung dalam dokumen kontrak. Pembekal/kontraktor yang tidak menunjukkan prestasi yang baik hendaklah ditamatkan perkhidmatan dan di mana sesuai, Denda Lewat atau LAD perlu dikenakan. Pelaksanaan perolehan di MDP, MDR dan MDB bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah sebanyak 643 perolehan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 585 perolehan telah berjaya dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh yang ditetapkan, manakala sebanyak 53 perolehan telah disiapkan dengan lanjutan masa dan 5 masih dalam pembinaan seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Prestasi Pelaksanaan Perolehan MDP, MDR Dan MDB
Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Status Perolehan			
		Siap Dalam Tempoh	Siap Dengan Lanjutan Masa	Masih Dalam Pembinaan	Bilangan Perolehan
1.	Majlis Daerah Pekan	290	23	2	315
2.	Majlis Daerah Raub	163	12	-	175
3.	Majlis Daerah Bera	132	18	3	153
Jumlah Keseluruhan		585	53	5	643

Sumber: MDP, MDR dan MDB

Pihak Audit telah menjalankan semakan terperinci terhadap 128 sampel perolehan di MDP, MDR dan MDB mendapati 125 perolehan telah berjaya dilaksanakan oleh kontraktor. Manakala, 3 perolehan masih belum disiapkan walaupun tempoh lanjutan telah diberikan. Selain itu, lawatan Audit terhadap 35 projek di MDP, MDR dan MDB turut dilaksanakan dan penemuan Audit berhubung perolehan tersebut diterangkan dalam perenggan berikut:

3.4.3.1. Kerja Belum Siap

a. Penyenggaraan Kompleks Pelancongan Tasek Bera

- i. Pada tahun 2015, MDB telah melantik kontraktor secara tender untuk melaksanakan penyenggaraan Kompleks Pelancongan Tasek Bera setelah Mesyuarat Jawatankuasa Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Negeri Pahang Bil. 01/2015 bersetuju dengan permohonan MDB untuk mengambil alih pengurusan kompleks daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri. Penyenggaraan kompleks ini melibatkan 5 buah blok iaitu Sebarau, Belida, Kelisa, Baung dan Toman serta kerja-kerja pemasangan *tube well*. Kerja penyenggaraan ini bermula pada 7 Januari 2015 hingga 12 Mei 2015 untuk tempoh 18 minggu dengan kos berjumlah RM0.88 juta. Bagaimanapun, setelah perubahan kerja, harga baru kontrak menurun sedikit menjadi RM0.87 juta.
- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan walaupun lanjutan masa telah diluluskan sebanyak 3 kali melibatkan 294 hari iaitu pada 12 Mei 2015 hingga 24 Julai 2015, 24 Julai 2015 hingga 29 Disember 2015 dan 30 Disember 2015 hingga 29 Februari 2016. Antara sebab permohonan lanjutan masa diluluskan adalah kerana kelewatan kontraktor mendapatkan bekalan bahan binaan dan kerja elektrik tidak dapat dilakukan kerana kayu lantai di blok belum dipasang.
- iii. Sehingga bulan Februari 2016, kemajuan kerja penyenggaraan ini hanya 61.9% siap dan MDB telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap kepada kontraktor bertarikh 1 Mac 2016. MDB telah mengambil tindakan mengenakan LAD terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dengan jumlah RM250 sehari. Sehingga 15 Julai 2016, LAD yang dikenakan adalah berjumlah RM34,250 iaitu selama 137 hari. Keadaan kompleks yang belum siap disenggarakan sepenuhnya semasa lawatan Audit pada 31 Mei 2016 adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.6**.

Gambar 3.1
Blok Sebarau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Pelancongan Tasek Bera, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.2
Blok Belida



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Pelancongan Tasek Bera, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.3
Blok Kelisa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Pelancongan Tasek Bera, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.4
Blok Baung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Pelancongan Tasek Bera, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.5
Blok Toman



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Pelancongan Tasek Bera, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.6
Pemasangan Tangki Air Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Pelancongan Tasek Bera, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

iv. Berdasarkan maklum balas MDB bertarikh 12 Ogos 2016, status terkini projek masih dalam tempoh LAD berjumlah RM41,000 sehingga 11 Ogos 2016. Kemajuan fizikal ditapak adalah 95% siap serta sesi pengujian dan pentauliahan dijadualkan dilakukan pada 22 Ogos 2016.

b. Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Dewan Konvensyen Untuk Majlis Daerah Bera

- i. MDB telah melantik kontraktor secara tender untuk melaksanakan Kerja Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Dewan Konvensyen Untuk Majlis Daerah Bera. Pada asalnya kontrak berjumlah RM13.31 juta termasuk tambahan peruntukan sejumlah RM2 juta pada tahun 2013. Setelah perubahan kerja, harga baru kontrak telah berubah menjadi RM12.10 juta. Kontrak berkuat kuasa selama 15 bulan bermula pada 1 November 2012 hingga 31 Januari 2014.
- ii. Semakan Audit mendapati projek ini tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan sungguhpun MDB telah memberi lanjutan masa sebanyak 3 kali melibatkan 851 hari iaitu pada 1 Februari 2014 hingga 31 Julai 2014, 1 Ogos 2014 hingga 31 Ogos 2015 dan 1 September 2015 hingga 31 Mei 2016. Asas pertimbangan lanjutan masa diluluskan adalah kerana kelewatan kerja di pihak subkontraktor dinamakan, perbezaan di antara Lukisan dan *Bill of Quantities* serta keadaan cuaca yang tidak menentu dan banjir.
- iii. Sehingga 31 Mei 2016, kemajuan kerja projek ini hanya 76% siap dan bayaran interim yang dilakukan adalah berjumlah RM6 juta (50%). Berdasarkan semakan Audit, didapati MDB telah mengenakan LAD terhadap kontraktor berkenaan dengan kadar RM2,302 sehari. Kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM103,590 untuk kelewatan selama 45 hari setakat 15 Julai 2016.
- iv. Hal ini berlaku disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan walaupun notis amaran telah dikeluarkan sebanyak 4 kali iaitu pada 17 April 2015, 18 Mei 2015, 15 Jun 2015 dan 8 Julai 2015. Selain itu, Surat Amaran Bagi Kemungkiran Kontraktor telah dikeluarkan oleh MDB bertarikh 6 Ogos 2015. **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.10** menunjukkan keadaan dewan yang belum siap semasa lawatan Audit pada 31 Mei 2016.

Gambar 3.7
Dewan Konvensyen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Konvensyen, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.8
Ruangan Tepi Dewan Konvensyen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Konvensyen, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.9
Ruang Utama Dewan Konvensyen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Konvensyen, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.10
Surau Dewan Konvensyen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Konvensyen, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

- v. **Berdasarkan maklum balas MDB bertarikh 12 Ogos 2016, status terkini projek Dewan Konvensyen adalah diberi kelulusan lanjutan masa ke-4 sehingga 30 September 2016. Ini berdasarkan perbincangan bersama pembiaya projek iaitu ECERDC dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dengan mengambil kira baki kerja ditapak serta peningkatan kos sekiranya penamatan kontrak berlaku. Status kemajuan kerja sebenar di tapak adalah hanya 84% berbanding di jadual 88% siap.**

c. Membina Arked Niaga Di Bandar Bera

- i. Projek Membina Arked Niaga di Bandar Bera melibatkan kos berjumlah RM331,886 melalui Sebut Harga MDB/KEJ/17/2015 mula dilaksanakan pada 21 September 2015. Tarikh sepatutnya siap pada 11 Januari 2016 dalam tempoh 16 minggu.

- ii. Semakan Audit mendapati projek ni telah dilanjutkan tempoh sebanyak 3 kali melibatkan 172 hari iaitu pada 12 Januari hingga 11 Mac 2016, 12 Mac 2016 hingga 5 Mei 2016 dan 6 Mei 2016 hingga 1 Julai 2016. Asas pertimbangan lanjutan masa diluluskan adalah kerana pertambahan skop kerja dan kelewatan perunding mengesahkan jenis bahan yang akan digunakan serta keadaan cuaca yang tidak menentu.
- iii. Semasa lawatan Audit dilakukan pada 31 Mei 2016, kemajuan kerja projek ini hanya 80% siap. Kadar LAD yang dikenakan terhadap kontraktor adalah sejumlah RM62 sehari. Kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM868 untuk kelewatan selama 14 hari setakat 15 Julai 2016. **Gambar 3.11** dan **Gambar 3.12** menunjukkan keadaan arked niaga yang masih belum siap semasa lawatan Audit pada 31 Mei 2016.

Gambar 3.11
Pandangan Hadapan Arked Niaga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Arked Niaga, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

Gambar 3.12
Pandangan Belakang Arked Niaga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Arked Niaga, Bera
Tarikh: 31 Mei 2016

- iv. **Berdasarkan maklum balas MDB bertarikh 12 Ogos 2016, status terkini Projek Membina Arked Niaga Di Bandar Bera masih dalam tempoh LAD sehingga 11 Ogos 2016 dengan jumlah RM2,480 selama 40 hari dengan kadar RM62 sehari. Status fizikal ditapak adalah 99% siap hanya berbaki kerja pemasangan bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad.**

3.4.3.2. Projek Siap Tidak Digunakan

Projek yang telah siap hendaklah digunakan bagi memastikan ianya tidak mendatangkan pembaziran dan objektif perolehan dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran. Lawatan Audit pada 27 April 2016 terhadap 15 projek MDP berjumlah RM8.15 juta mendapati secara keseluruhannya, perolehan telah berjaya disiapkan. Bagaimanapun, terdapat 2 projek yang telah siap tetapi tidak digunakan. Butiran lanjut mengenai 2 perolehan tersebut adalah seperti berikut:

a. Membina Rumah Kedai Di Jalan Pekan – Kuantan

- i. Peruntukan perolehan Membina Rumah Kedai Di Jalan Pekan – Kuantan dengan kos berjumlah RM1.82 juta telah diterima daripada ECERDC. Tarikh milik tapak pada 19 Januari 2015 dengan tarikh sepatutnya siap pada 27 September 2015. Rumah kedai ini terdiri daripada 14 unit dan telah disiapkan pada 27 Disember 2015 dengan satu kali lanjutan masa selama 92 hari.
- ii. Asas pertimbangan lanjutan masa diluluskan adalah kerana perubahan tapak bangunan, cuaca yang tidak menentu dan kesukaran mendapatkan bekalan bahan mentah. Pihak Audit juga dimaklumkan kadar sewa yang akan dikenakan adalah berjumlah antara RM400 hingga RM1,700 sebulan mengikut keluasan kedai. Lawatan Audit pada 27 April 2016 mendapati rumah kedai tersebut masih belum disewakan seperti di **Gambar 3.13**.



Gambar 3.13
Rumah Kedai Belum Disewakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Kedai di Jalan Pekan-Kuantan
Tarikh: 27 April 2016

- iii. Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 12 Ogos 2016, pemeriksaan kesempurnaan projek telah dilaksanakan dan urusan penyewaan dibuat oleh Jabatan Penilaian pada 2 Mac 2016. Manakala temu duga gerai diadakan pada 3 Mac 2016 dan sewaan bermula pada 1 Mei 2016.

b. Membina Bangunan IKS Di Pulau Serai Pekan

- i. Semakan Audit terhadap fail perolehan mendapati projek Membina Bangunan IKS Di Pulau Serai Pekan bermula pada 23 Oktober 2014 dan telah siap pada 10 Mei 2015 dengan lanjutan masa selama 70 hari daripada tarikh patut siap pada 26 Februari 2015. Antara sebab permohonan lanjutan masa diluluskan adalah kerana kawasan projek dinaiki air dan proses pembersihan mengambil masa yang lama. Bangunan ini terdiri daripada 5 unit kedai dengan kos projek berjumlah RM495,180.
- ii. Lawatan Audit bersama pegawai MDP pada 27 April 2016 mendapati bangunan tersebut masih belum disewakan. Selain itu, pihak Audit juga mendapati

pemasangan kabel elektrik yang tidak sempurna seperti di **Gambar 3.14** dan **Gambar 3.15**.

Gambar 3.14
Bangunan IKS
Belum Disewakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan IKS Pulau Serai, Pekan
Tarikh: 27 April 2016

Gambar 3.15
Pemasangan Kabel Elektrik
Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan IKS Pulau Serai, Pekan
Tarikh: 27 April 2016

- iii. Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 12 Ogos 2016, bangunan IKS sebanyak 5 unit kedai di Pulau Serai Pekan telah disiapkan pada 10 Mei 2015 dan pada 23 Jun 2015 bangunan telah diambil milik oleh MDP. Bagaimanapun, terdapat masalah mengenai spesifikasi paip dan MDP telah mengeluarkan iklan sebut harga pada 20 November 2015 bagi memasang *hidrant* dan paip *galvani* Gred C dan tarikh siap kerja pada 17 Februari 2016. Temu duga gerai telah diadakan pada 28 Disember 2015 dan sewaan bermula pada 1 Januari 2016. Bagaimanapun, penyewa memohon pengecualian sewa bagi bulan Januari hingga April 2016 kerana sambungan saluran air dari paip utama masih belum diterima. Manakala pemasangan kabel elektrik yang tidak sempurna telah diambil tindakan oleh Tenaga Nasional Berhad.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap perolehan yang siap tetapi tidak digunakan perlu dipertingkatkan.

3.4.3.3. Projek Yang Tidak Disenggarakan

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, memanjangkan hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Setiap perolehan perlu disenggarakan dan dipantau keadaannya agar kerosakan yang serius tidak berlaku. Ia dapat mengelakkan pembaziran di mana pembaikan yang sama berulang setiap tahun.

- b. Semakan Audit terhadap 5 fail projek dewan MDR berjumlah RM2.61 juta mendapati Dewan tersebut telah siap dibina dan diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung untuk bertanggungjawab menyenggara, membaiki sebarang kerosakan kecil bangunan, menjaga kebersihan dan keceriaan kawasan sekitar dewan.
- c. Lawatan Audit ke 5 buah dewan bersama pegawai MDR pada 4 Mei 2016 mendapati kemudahan awam yang disediakan tidak disenggarakan dengan sempurna seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Senarai Projek Yang Disiapkan Tidak Diurus Dengan Sempurna

Bil.	Butiran Kerja	Jumlah (RM)	Penemuan Audit	Maklum Balas MDR Bertarikh 12 Ogos 2016
1.	Menaiktaraf Dewan Kampung Tranum, Raub Pahang	71,038	- Pokok tumbuh di atas bumbung dewan seperti di Gambar 3.16. - Kaki lima dewan dipenuhi sampah seperti di Gambar 3.18.	- Tindakan pembuangan pokok telah dilakukan seperti di Gambar 3.17. - Tindakan pembersihan kaki lima dewan telah dilakukan seperti di Gambar 3.19.
2.	Menaiktaraf Dewan Kampung Melayu Sempalit, Raub Pahang	162,837	- Koridor dewan dipenuhi dengan sampah seperti di Gambar 3.20. - Persekitaran dewan tidak disenggarakan seperti di Gambar 3.22.	- Tindakan pembersihan koridor dewan telah dilakukan seperti di Gambar 3.21. - Tindakan penyenggaraan persekitaran dewan telah dilakukan seperti di Gambar 3.23.
3.	Membina Dan Menyiapkan Dewan Kampung Bukit Pampong, Raub Pahang	684,830	- Lampu dewan dipenuhi dengan najis burung seperti di Gambar 3.24. - Pintu dewan dipenuhi dengan najis burung seperti di Gambar 3.26.	- Tindakan pembersihan lampu dewan telah dilakukan seperti di Gambar 3.25. - Tindakan pembersihan pintu dewan telah dilakukan seperti di Gambar 3.27.
4.	Membina Dan Menyiapkan Dewan Kampung Pia, Raub Pahang	765,594	- Bantuan makanan telah luput tarikh disimpan dalam dewan seperti di Gambar 3.28. - Pemasangan paip PVC yang tidak sempurna seperti di Gambar 3.30.	- Tindakan pelupusan bantuan makanan telah dilakukan seperti di Gambar 3.29. - Tindakan pembaikan pemasangan paip telah dilakukan seperti di Gambar 3.31.
5.	Membina dan Menyiapkan Sebuah Dewan Jeram Besu, Raub Pahang	926,658	- Koridor dewan kotor seperti di Gambar 3.32. - Kabel elektrik yang membahayakan seperti di Gambar 3.34.	- Tindakan pembersihan koridor dewan telah dilakukan seperti di Gambar 3.33. - Tindakan pembaikan kabel elektrik telah dilakukan seperti di Gambar 3.35.
Jumlah		2,610,957		

Sumber: Majlis Daerah Raub

Gambar 3.16
Pokok Tumbuh Di Atas
Bumbung Dewan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Tranum, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.17
Pokok Telah Dibuang
Di Atas Bumbung Dewan



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Kampung Tranum, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.18
Kaki Lima Dewan Dipenuhi Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Melayu Sempalit, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.19
Kaki Lima Dewan Dibersihkan



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Kampung Melayu Sempalit, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.20
Koridor Dewan Dipenuhi Dengan Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Melayu Sempalit, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.21
Koridor Dewan Telah Dibersihkan



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Kampung Melayu Sempalit, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.22
Persekitaran Dewan Tidak Disenggarakan

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Melayu Sempalit, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.23
Persekitaran Dewan Telah Disenggarakan


Selepas



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Kampung Melayu Sempalit, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.24
Lampu Dewan Dipenuhi Dengan Najis Burung


Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Bukit Pampong, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.25
Lampu Dewan Telah Dibersihkan

Selepas



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Kampung Bukit Pampong, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.26
Pintu Dewan Dipenuhi Dengan Najis Burung


Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Bukit Pampong, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.27
Pintu Dewan Telah Dibersihkan

Selepas



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Kampung Bukit Pampong, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.28
Bantuan Makanan Telah Luput Tarikh
Disimpan Dalam Dewan

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Pia, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.29
Keadaan Selepas Pelupusan
Bantuan Makanan

Selepas



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Kampung Pia, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.30
Pemasangan Paip PVC
Tidak Sempurna

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Kampung Pia, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.31
Paip PVC Telah Dibaiki

Selepas



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Kampung Pia, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.32
Koridor Dewan Kotor

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Jeram Besu, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.33
Koridor Dewan Telah Dibersihkan

Selepas



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Jeram Besu, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Gambar 3.34
Kabel Elektrik Yang Membahayakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Jeram Besu, Raub
Tarikh: 4 Mei 2016

Gambar 3.35
Kabel Elektrik Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Daerah Raub
Lokasi: Dewan Jeram Besu, Raub
Tarikh: 8 Ogos 2016

Pada pendapat Audit, MDR perlu merancang dan memasukkan program pemantauan yang berkala supaya perolehan yang telah dilaksanakan dapat disenggarakan dengan teratur serta dalam keadaan baik untuk keselesaan pengguna.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perolehan PBT dapat dilaksanakan dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat serta kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang lagi pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya MDP, MDR dan MDB mengambil tindakan berikut:

3.5.1. Meningkatkan pemantauan setiap perolehan semasa pelaksanaan kerja oleh kontraktor/pembekal supaya kerja disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor/pembekal yang gagal berbuat demikian termasuk menyenaraihitamkan kontraktor/pembekal yang terlibat.

3.5.2. Memastikan semua projek yang dilaksanakan perlu dimanfaatkan dan disenggarakan secara berkala agar tidak berlaku pembaziran wang Kerajaan.

MAJLIS PERBANDARAN BENTONG MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

4. PENGURUSAN PEROLEHAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berfungsi dalam mengatur, mengawal dan merancang pembangunan serta kegunaan tanah dan bangunan dalam kawasan tadbirnya. Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis.

4.1.2. Pada tahun 2013 hingga 2015, Majlis Perbandaran Bentong (MPB) dan Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) telah menjalankan perolehan kerja sebanyak 297, 263 dan 4 masing-masing secara lantikan terus, sebut harga dan tender dengan jumlah keseluruhan perolehan RM54.28 juta. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Perolehan MPB Dan MDCH Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Perolehan MPB Dan MDCH Bagi Tahun 2013 Hingga 2015									
Bil.	PBT	Kaedah Perolehan						Jumlah	
		Lantikan Terus		Sebut Harga		Tender			
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
1.	MPB	169	3.22	188	26.52	3	6.72	360	36.46
2.	MDCH	128	1.61	75	14.62	1	1.59	204	17.82
Jumlah		297	4.83	263	41.14	4	8.31	564	54.28

Sumber: MPB dan MDCH

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan telah dirancang serta diurus dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ditumpukan kepada pengurusan perolehan kerja dan perkhidmatan oleh MPB dan MDCH bagi tahun 2013 hingga 2015 yang dibuat secara pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan bagi sampel yang dipilih serta mengkaji dan menganalisis data yang terlibat. Selain itu, pengesahan fizikal dan lawatan ke tapak projek serta temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama Yang Dipertua MPB dan MDCH telah diadakan pada 6 September 2016 yang turut dihadiri oleh 2 orang

wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (SUK) serta 4 orang pegawai MPB dan 8 orang pegawai MDCH.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2016 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di MPB dan MDCH adalah memuaskan. Pelaksanaan perolehan telah dijalankan mengikut Kaedah Perolehan Kerajaan (PK 2) yang berkuat kuasa. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Tempoh lanjutan masa yang diluluskan terlalu lama.
- Tempoh tanggungan kecacatan yang singkat.
- Bon Pelaksanaan dilepaskan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat dan denda lewat tidak dikenakan di MDCH.
- Perolehan kerja tidak mencapai matlamat, tidak mengikut spesifikasi, tidak sempurna dan tidak boleh digunakan sepenuhnya.

4.4.1. Prestasi Perolehan

4.4.1.1. Bagi tujuan perolehan, MPB dan MDCH telah memperuntukkan belanja pembangunan selain peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Peruntukan MPB pada tahun 2013 hingga 2015 berjumlah RM52.68 juta dan sebanyak 82.4% peratus telah dibelanjakan bagi 360 perolehan. Manakala MDCH telah membelanjakan 93.3% dengan 204 perolehan daripada RM18.85 juta peruntukan. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Peruntukan Serta Perbelanjaan MPB Dan MDCH Pada Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Sumber Kewangan	Bilangan Perolehan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
Majlis Perbandaran Bentong					
1.	Persekutuan	200	36.73	30.86	84.0%
2.	MPB	160	15.95	12.54	78.6%
Jumlah		360	52.68	43.40	82.4%
Majlis Daerah Cameron Highlands					
1.	Persekutuan	118	16.45	16.45	100.0%
2.	MDCH	86	2.40	1.13	47.1%
Jumlah		204	18.85	17.58	93.3%

Sumber: MPB dan MDCH

4.4.1.2. Keahlian dan tugas Jawatankuasa serta had nilai, kuasa dan tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi telah digariskan dalam PK 2. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender, Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga/Tender, Jawatankuasa Sebut Harga/Tender dan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja telah diwujudkan di MPB. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender dan Jawatankuasa Sebut Harga/Tender telah diwujudkan di MDCH manakala Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga/Tender dan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja tidak ditubuhkan.

4.4.1.3. Penyimpanan rekod dan dokumen dalam fail di MPB adalah memuaskan manakala di MDCH tidak lengkap dan kemas kini serta surat-menyurat tidak disusun mengikut turutan folio.

4.4.1.4. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 29 Ogos 2016 menjelaskan, tindakan telah diambil dengan menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga/Tender pada 21 Mac 2016 dan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja pada 1 Ogos 2016. Selain itu, rekod dan dokumen telah dikemas kini dan disusun mengikut turutan folio.**

Pada pendapat Audit, prestasi perolehan di MPB dan MDCH adalah memuaskan. Pihak MDCH telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera setelah mendapat teguran Audit.

4.4.2. Prestasi Pelaksanaan Perolehan

Tatacara perolehan Kerajaan serta perkara yang perlu dipatuhi bagi perolehan secara pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender telah digariskan dalam PK 2. Semakan Audit di MPB dan MDCH mendapati perkara seperti berikut:

4.4.2.1. Tempoh Lanjutan Masa Yang Diluluskan Terlalu Lama

- a. Perenggan 6.8 Bahagian II PK 2 Lampiran 2.26 berkenaan Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka dan Bina menyatakan bahawa sekiranya lanjutan masa diluluskan, Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (PKLM) sebelum tamat tempoh kontrak yang dibenarkan bagi mengelakkan masa kontrak dalam keadaan tergantung (*"time is at large"*).
- b. Semakan Audit mendapati permohonan lanjutan masa telah diluluskan sebelum tamat tempoh kontrak. Faktor cuaca, perubahan kerja, masalah kerja dan bahan binaan lewat dibekalkan adalah antara alasan yang diberikan oleh pihak kontraktor. Semakan lanjut mendapati tempoh lanjutan masa yang diluluskan bagi 8 kerja telah melebihi tempoh siap asal antara 100% hingga 340%. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.3.**

Jadual 4.3
Perolehan Kerja Yang Diluluskan Lanjutan Masa Yang Lama

Bil.	No. Inden	Kos Projek (RM)	Tempoh Siap Asal (Minggu)	Lanjutan Masa Yang Diluluskan		
				Bil. (Kali)	Tempoh (Minggu)	Peratus (%)
Majlis Perbandaran Bentong						
1.	MPB 49/2013 (BBE)	199,860.00	4	2	6	150.0
2.	MPB 13/2013 (BBE)	197,606.00	4	2	6	150.0
3.	MPB 17/2013 (BBE)	134,896.00	4	2	4	100.0
4.	MPB 51/2013 (BBE)	140,450.00	8	3	15	187.5
Majlis Daerah Cameron Highlands						
1.	MDCH 41/2013	194,925.00	5	1	17	340.0
2.	MDCH 29/2013	284,800.00	7	2	8	114.3
3.	MDCH 28/2014	449,095.64	10	2	15	150.0
4.	MDCH 10/2014	395,000.00	10	3	16	160.0

Sumber: MPB dan MDCH

- c. **Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, hal ini berlaku kerana melibatkan bekalan yang perlu ditempah khas seperti tiang lampu standard MPB atau longkang bersaiz besar. Maklum balas daripada MDCH bertarikh 29 Ogos 2016 menjelaskan, hal ini berlaku kerana faktor luaran yang tidak dapat dielakkan seperti cuaca, halangan daripada pihak ketiga dan masalah pembekalan bahan binaan.**

4.4.2.2. Pecah Kecil Perolehan

- a. PK 2 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) menyatakan perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai RM50,000 hingga RM500,000 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dilakukan secara sebut harga. Semakan Audit mendapati perolehan bagi kerja yang sama bernilai RM38,779 telah dipecahkan kepada 2 inden masing-masing berjumlah RM19,810 dan RM18,969. Semakan lanjut mendapati 2 perolehan kerja tersebut iaitu membina tempat letak motosikal di Sekolah Menengah Kebangsaan Chemomoi dan membina lantai konkrit tempat letak motosikal adalah berkaitan, dijalankan di lokasi yang sama dan pada tarikh yang berdekatan oleh kontraktor yang sama serta telah dibuat secara lantikan terus. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Pecah Kecil Perolehan

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	No. Inden	Tarikh Inden	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Nombor/ Tarikh Baucar
1.	Membina Tempat Letak Motosikal di Sekolah Menengah Kebangsaan Chemomoi	19,810.00	MPB 82/2013 (BBE)	22.07.2013	29.07.2013	05.08.2013	001660/2013 15.08.2013
2.	Membina Lantai Konkrit Tempat Letak Motosikal Di Hadapan Sekolah Menengah Chemomoi dan Pemasangan Meter Bekalan Air Berasingan di Gerai 12 unit, Simpang Pelangai	18,969.00	MPB 86/2013 (BBE)	29.07.2013	01.08.2013	14.08.2013	001783/2013 26.08.2013
Jumlah		38,779.00					

Sumber: MPB

- b. **Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, kerja pembinaan lantai konkrit diserahkan kepada kontraktor yang sama bagi mengelakkan berlakunya kerja bertindih di lokasi yang sama.**

4.4.2.3. Tempoh Tanggungan Kecacatan Yang Singkat

- a. Perenggan 12 PK 2 Lampiran 2.5 menyatakan Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Laman sesawang Kementerian Kewangan turut menyatakan tempoh tanggungan kecacatan bagi kontrak kerja yang bernilai di antara RM10,000 hingga RM100,000 adalah 6 bulan manakala sekurang-kurangnya 12 bulan bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM100,000.
- b. Semakan Audit mendapati 2 projek bernilai melebihi RM100,000 mempunyai tempoh tanggungan kecacatan yang singkat iaitu hanya 6 bulan sahaja seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Projek Yang Mempunyai Tempoh Tanggungan Kecacatan Yang Singkat

Bil.	No. Inden	Nilai Projek (RM)	Tarikh Siap Kerja	Tempoh Tanggungan Kecacatan Sepatutnya	Tempoh Tanggungan Kecacatan
1.	MPB 4/2013 (PP)	226,126.00	10.11.2013	12 bulan	11.11.2013 – 11.05.2014 (6 bulan)
2.	MDCH 37/2013	148,750.00	02.09.2013	12 bulan	03.09.2013 – 03.03.2014 (6 bulan)

Sumber: MPB dan MDCH

- c. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 29 Ogos 2016 menjelaskan, tindakan penambahbaikan yang lebih serius akan diambil bagi memastikan perkara ini tidak berulang pada masa hadapan.**

4.4.2.4. Bon Pelaksanaan Dilepaskan Sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan Tamat

- a. Bon Pelaksanaan ialah suatu bentuk jaminan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor yang mendapat kontrak daripada Kerajaan, yang boleh dipegang oleh Kerajaan bagi melindungi kepentingannya dan memastikan kontraktor melaksanakan semua obligasi di bawah sesuatu kontrak. Bon Pelaksanaan diperlukan untuk kontrak bernilai melebihi RM200,000 dan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai.
- b. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan bagi inden MDCH 33/2015 berjumlah RM378,720.40 dengan Bon Pelaksanaan berjumlah RM18,936.02 telah dilepaskan melalui baucar bayaran A001283/2015 bertarikh 30 Disember 2015 sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 29 Ogos 2016 menjelaskan, tindakan telah diambil dengan menuntut semula Bon Pelaksanaan daripada kontraktor.**

4.4.2.5. Liquidated And Ascertained Damages (LAD)

- a. Perenggan 6.9 PK 2 Lampiran 2.26 menyatakan sekiranya Pengarah Projek menjangkakan kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja pada tarikh siap asal kontrak atau pada tarikh yang dilanjutkan dalam kontrak, maka Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan notis untuk tujuan mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan/ LAD kepada kontraktor sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum tarikh siap yang ditetapkan. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh tersebut, maka Perakuan Kerja Tak Siap (PKTS) hendaklah dikeluarkan serta merta kepada kontraktor dan LAD dikenakan. Sekiranya jumlah nilai LAD yang dikenakan adalah besar dan membebankan kontraktor, tindakan sama ada untuk meneruskan kontrak atau menamatkannya hendaklah diambil dengan segera.
- b. Semakan Audit mendapati 4 projek di MDCH dengan kelewatan menyiapkan projek antara 13 hingga 547 hari daripada tempoh lanjutan masa yang diluluskan tidak dikenakan denda lewat antara RM25 hingga RM100 sehari dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM27,725. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Projek Yang Tidak Dikenakan Denda Lewat

Bil.	Nombor Inden	Kos Projek (RM)	Tarikh Siap Sepatutnya* (a)	Tarikh Siap Sebenar Kerja (b)	Tempoh Kelewatan (Hari) (b)-(a)	Kadar Denda Sehari (RM)	Jumlah Denda (RM)
1.	MDCH 29/2013	284,800.00	24.09.2013	**26.03.2015	547	25.00	13,675.00
2.	MDCH 28/2014	449,095.64	30.11.2014	14.04.2015	134	100.00	13,400.00
3.	MDCH 14/2015	19,100.00	01.06.2015	15.06.2015	13	25.00	325.00
4.	MDCH 22/2015	143,525.00	22.10.2015	05.11.2015	13	25.00	325.00
Jumlah Denda							27,725.00

Sumber: MDCH

Nota: * – Mengambil kira tempoh lanjutan masa yang diluluskan

** – Tarikh surat pembatalan perolehan kerja

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan perolehan di MPB dan MDCH adalah kurang memuaskan terutama perkara berkaitan tempoh lanjutan masa, Bon Pelaksanaan dan pelaksanaan denda lewat.

4.4.3. Prestasi Pelaksanaan Kerja

Perancangan projek hendaklah mengambil kira keperluan, keadaan kawasan projek, struktur dan reka bentuk, keselamatan dan impak sekiranya projek dilaksanakan kepada penduduk di kawasan yang berkenaan. Kontraktor yang dilantik hendaklah melaksanakan perolehan kerja mengikut pelan reka bentuk, syarat dan spesifikasi kerja sebagaimana dalam dokumen tender atau sebut harga serta disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kerja pembinaan juga perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Setiap perolehan kerja hendaklah dilaksanakan secara ekonomik dan dipantau dengan teliti bagi memastikan pembinaan atau kerja yang dibuat adalah sebagaimana yang dikehendaki. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Perolehan Kerja Tidak Mencapai Matlamat

a. Pasar Awam Lembah Bertam, Cameron Highlands

Kerja menaik taraf kawasan pasar awam Lembah Bertam telah siap sepenuhnya pada 14 Jun 2013. Bagaimanapun pada penghujung tahun 2013, telah berlaku banjir besar sehingga menyebabkan kawasan berkenaan rosak teruk. Pada tahun 2014 dan 2015, MDCH telah melaksanakan kerja merobohkan pasar awam dan membina dataran niaga serta membaik pulih tempat letak kereta pasar awam dan sistem perparitan. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.7**. Lawatan Audit mendapati pasar awam berkenaan tidak digunakan tetapi dijadikan sebagai tempat meletak kenderaan penduduk setempat dan kawasan sekitarnya dijadikan sebagai stor simpanan barang seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa peniaga telah lama tidak menggunakan pasar awam berkenaan kerana kesukaran untuk mengakses jalan keluar-masuk ke tapak pasar kerana rosak dan terdapat projek

Rancangan Tebatan Banjir yang dijalankan di kawasan berhampiran. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 29 Ogos 2016 menjelaskan, tindakan telah diambil dengan mengiklankan tawaran penyewaan premis perniagaan kepada peniaga yang berminat.**

Jadual 4.7
Perolehan Kerja Di Tapak Pasar Awam Lembah Bertam

Tahun	No. Inden	Butiran Kerja	Jumlah (RM)
2013	MDCH 17/2013	Menaik Taraf Kawasan Pasar Awam Lembah Bertam.	264,915.00
2014	MDCH 10/2014	Meroboh Pasar Awam Dan Membina Dataran Niaga Di Kampung Baru Lembah Bertam.	395,000.00
2015	MDCH 17/2015	Membaik Pulih Tempat Letak Kereta Pasar Awam Dan Sistem Perparitan Di Kampung Baru Lembah Bertam.	146,545.00
Jumlah Keseluruhan			806,460.00

Sumber: MDCH

Gambar 4.1
Pasar Awam Dijadikan Sebagai Tempat Meletak Kenderaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Lembah Bertam
Tarikh: 26 Mei 2016

Gambar 4.2
Kawasan Sekitar Pasar Awam Yang Dijadikan Sebagai Stor Simpanan Barang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Lembah Bertam
Tarikh: 26 Mei 2016

b. Dewan Masyarakat Kaum India, Cameron Highlands

Pada tahun 2012, MDCH telah menerima peruntukan bagi pembinaan Dewan Masyarakat Kaum India berjumlah RM2 juta. Lembaga Perolehan Tender Persekutuan Peringkat Negeri Pahang telah memilih kontraktor dengan tawaran harga RM2.24 juta dan tempoh siap 40 minggu dengan syarat peruntukan mencukupi sebelum projek dilaksanakan. Kontraktor telah diluluskan lanjutan masa sebanyak 2 kali dengan tempoh lanjutan masa yang lama iaitu masing-masing sebanyak 12 bulan bermula 20 Disember 2013 hingga 31 Disember 2015. MDCH telah diarahkan untuk memberhentikan pelaksanaan projek ini melalui surat bertarikh 31 Julai 2015 dan pembayaran akan dibuat bagi kerja yang telah disiapkan sepenuhnya. Hal ini berlaku kerana tempoh pembinaan yang mengambil masa terlalu lama, kos penstabilan cerun adalah 2 kali ganda lebih tinggi berbanding kos pembinaan dewan serta lokasi dewan

yang tidak sesuai kerana terletak di atas bukit dengan *gradient* yang agak tinggi dan menyukarkan penduduk untuk menggunakan dewan berkenaan. Sebanyak 3 pembayaran interim berjumlah RM2.42 juta telah diluluskan manakala sejumlah RM0.69 juta bagi pembinaan *slope protection* masih ditahan kerana kos bagi penambahan kerja telah melebihi 20% daripada harga kontrak. Semakan lanjut terhadap dokumen tender projek tidak dapat dijalankan kerana telah dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan. Lawatan Audit mendapati perjalanan ke tapak dewan melalui cerun bukit yang agak tinggi dan curam serta hanya terdapat kawasan lapang dengan permukaan tanah yang telah diratakan dan *slope protection* seperti di **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 29 Ogos 2016 menjelaskan, kos pembinaan *slope protection* masih dalam proses mendapatkan kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK).**

Gambar 4.3
Cerun Yang Agak Tinggi Dan Curam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Dewan Masyarakat Kaum India
Tarikh: 25 Mei 2016

Gambar 4.4
Slope Protection



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Dewan Masyarakat Kaum India
Tarikh: 25 Mei 2016

c. Tandas Awam Kuala Terla, Cameron Highlands

Pada tahun 2015, MDCH telah melaksanakan Projek My Beautiful Malaysia bagi menceriakan tandas awam Kuala Terla melalui inden MDCH 22/2015 dengan kos projek berjumlah RM143,525.00. Lawatan Audit mendapati tandas tersebut berkunci serta tidak diguna dan disenggarakan seperti di **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 29 Ogos 2016 menjelaskan, pemajak yang dilantik bagi menjaga dan menyelenggarakan tandas tersebut telah menolak tawaran.**

Gambar 4.5
Tandas Berkunci Dan Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Terla
Tarikh: 26 Mei 2016

Gambar 4.6
Tandas Tidak Disenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Terla
Tarikh: 26 Mei 2016

4.4.3.2. Perolehan Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

a. Longkang Monson Jalan Tras, Bentong

Kerja menaik taraf longkang monson melalui inden MPB 45/2015 (BBE) telah disiapkan pada 7 Julai 2015 dengan kos berjumlah RM339,364.30 dan tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan. Kerja tersebut hendaklah lengkap dengan membekal dan membina *railing* keselamatan yang dicat anti karat berwarna hitam putih. Lawatan Audit mendapati *railing* tersebut telah dicat dengan warna hitam keseluruhannya seperti di **Gambar 4.7**. **Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, arahan mengecat semula *railing* dengan lapisan cat anti karat berwarna hitam putih telah dikeluarkan kepada kontraktor seperti di Gambar 4.8.**

Gambar 4.7
Warna *Railing* Keselamatan Tidak Mengikut Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tras
Tarikh: 26 Julai 2016

Gambar 4.8
***Railing* Keselamatan Telah Dicat Hitam Putih**



Sumber: Majlis Perbandaran Bentong
Lokasi: Jalan Tras
Tarikh: 25 Ogos 2016

b. Lampu Jalan Ketari, Bentong

Kerja membina 20 unit lampu jalan melalui inden MPB 13/2013 (BBE) yang telah disiapkan pada 31 Mei 2013 hendaklah lengkap dengan kerja membekal aksesori tiang seperti logo berlampu Majlis dan nombor tiang. Lawatan Audit mendapati kesemua tiang tersebut tidak dilengkapi dengan nombor tiang seperti di **Gambar 4.9**. **Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, tindakan memasang semula nombor tiang telah dilaksanakan seperti di Gambar 4.10.**

Gambar 4.9
Tiang Lampu Tidak Bernombor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ketari
Tarikh: 26 Julai 2016

Gambar 4.10
Nombor Tiang Telah Dipasang



Sumber: Majlis Perbandaran Bentong
Lokasi: Jalan Ketari
Tarikh: 25 Ogos 2016

c. Dewan Arena Kompleks Sukan Benus, Bentong

Kerja pembinaan dewan yang telah disiapkan pada tahun 2015 hendaklah lengkap dengan pondok pengawal. Lawatan Audit mendapati pondok pengawal di dewan tersebut telah dibina namun tidak disempurnakan sebagaimana yang dinyatakan dalam *Bill Of Quantities* (BQ) iaitu *concrete counter top* tidak dibuat dan lantai tidak dilengkapi jubin serta tombol pintu didapati telah tercabut dan cermin kaunter telah retak. **Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, tindakan membina concrete counter top telah dibuat, lantai telah dilengkapi jubin, tombol pintu dan cermin kaunter telah diganti baharu.** Butiran adalah seperti di **Gambar 4.11** hingga **Gambar 4.14**.

Gambar 4.11
Concrete Counter Top Tidak Dibuat,
Lantai Tidak Berjubin Dan Tombol Pintu
Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pondok Pengawal Dewan Arena
 Tarikh: 26 Julai 2016

Gambar 4.12
Concrete Counter Top Telah Dibuat,
Lantai Telah Berjubin Dan Tombol Pintu
Telah Diganti




Sumber: Majlis Perbandaran Bentong
 Lokasi: Pondok Pengawal Dewan Arena
 Tarikh: 25 Ogos 2016

Gambar 4.13
Cermin Kaunter Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pondok Pengawal Dewan Arena
 Tarikh: 26 Julai 2016

Gambar 4.14
Cermin Kaunter Telah Diganti



Sumber: Majlis Perbandaran Bentong
 Lokasi: Pondok Pengawal Dewan Arena
 Tarikh: 25 Ogos 2016

4.4.3.3. Perolehan Kerja Yang Tidak Sempurna

a. Dewan Serba Guna Kampung Teroh, Bentong

Pembinaan dewan melalui inden MPB 31/2014 (BBE) telah disiapkan pada 26 Ogos 2014 dengan kos berjumlah RM491,500 dan tempoh tanggungan kecacatan bermula pada 27 Ogos 2014 hingga 26 Ogos 2015. Lawatan Audit mendapati permukaan dataran kejut yang dibina di hadapan dewan tidak rata menyebabkan ketinggian dataran tidak selari dan bercerun kecil seperti di **Gambar 4.15**. **Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, cerun kecil telah dibaiki dan diperkemas semula seperti di Gambar 4.16.**

Gambar 4.15
Permukaan Dataran Kejut Tidak Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Kampung Teroh
Tarikh: 25 Julai 2016

Gambar 4.16
Permukaan Dataran Kejut Yang Telah Dibaiki Dan Diperkemas



Sumber: Majlis Perbandaran Bentong
Lokasi: Dewan Serba Guna Kampung Teroh
Tarikh: 25 Ogos 2016

b. Jalan Utama Industri, Bentong

Kerja menurap jalan melalui inden MPB 59/2015 (BBE) telah disiapkan pada 31 Julai 2015 dengan kos berjumlah RM179,000 dan tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan. Lawatan Audit mendapati perabot jalan iaitu Papan Tanda Simpang 3 dan Papan Tanda Berhenti telah tercabut. **Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, tindakan telah diambil bagi mendirikan semula papan tanda yang tercabut.** Butiran adalah seperti di **Gambar 4.17** hingga **Gambar 4.20**.

Gambar 4.17
Papan Tanda Simpang 3 Yang Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Utama Industri
Tarikh: 26 Julai 2016

Gambar 4.18
Papan Tanda Simpang 3 Telah Dipacak Semula



Sumber: Majlis Perbandaran Bentong
Lokasi: Jalan Utama Industri
Tarikh: 25 Ogos 2016

Gambar 4.19
Papan Tanda Berhenti Yang Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Utama Industri
Tarikh: 26 Julai 2016

Gambar 4.20
Papan Tanda Berhenti Telah Dipacak Semula



Sumber: Majlis Perbandaran Bentong
Lokasi: Jalan Utama Industri
Tarikh: 25 Ogos 2016

4.4.3.4. Perolehan Kerja Yang Tidak Boleh Digunakan Sepenuhnya

a. Dewan Serba Guna Rumah Murah Kampung Bukit Piatu, Bentong

Pembinaan dewan ini melalui inden MPB 52/2015 (BBE) telah disiapkan pada 6 November 2015 dengan kos berjumlah RM284,928 dan tempoh tanggungan kecacatan bermula pada 7 November 2015 hingga 6 November 2016. Lawatan Audit mendapati tapak dewan tersebut dijadikan sebagai tempat meletak kenderaan seperti di **Gambar 4.21**. Hal ini menyebabkan penduduk setempat atau pengguna tidak dapat menggunakan keseluruhan kawasan dewan tersebut. Selain itu, tandas dijadikan sebagai stor simpanan barang seperti di **Gambar 4.22** serta cermin muka di tandas lelaki dan perempuan tidak dibekalkan sebagaimana yang dinyatakan dalam BQ. **Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, cermin muka telah dibekalkan serta surat arahan telah dikeluarkan kepada Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Bukit Piatu supaya tindakan diambil dengan kadar segera dan memastikan perkara yang sama tidak berulang.**

Gambar 4.21
Dewan Dijadikan Sebagai
Tempat Meletak Kenderaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Dewan Serba Guna Rumah Murah
 Kampung Bukit Piatu
 Tarikh: 26 Julai 2016

Gambar 4.22
Tandas Dijadikan Sebagai
Stor Simpanan Barang



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Dewan Serba Guna Rumah Murah
 Kampung Bukit Piatu
 Tarikh: 26 Julai 2016

b. Dewan Taman Karak, Bentong

Kerja menaik taraf dewan melalui inden MPB 83/2015 (BBE) telah disiapkan pada 30 November 2015 dengan kos berjumlah RM180,225.00 dan tempoh tanggungan kecacatan bermula pada 1 Disember 2015 hingga 30 November 2016. Lawatan Audit mendapati kerja menaik taraf dewan ini merangkumi tapak Pusat Aktiviti dan tapak gelanggang sedia ada. Hal ini menjadikan fungsi dewan tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana kedudukan pusat tersebut berada di tengah-tengah dewan yang dinaikkan taraf seperti di **Gambar 4.23. Maklum balas daripada MPB bertarikh 25 Ogos 2016 menjelaskan, Pusat Aktiviti sedia ada yang digunakan sebagai pentas, tandas, bilik mesyuarat dan stor penyimpanan dikekalkan atas permintaan pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Taman Karak.**



Gambar 4.23
Dewan Yang Di Naik Taraf Merangkumi
Tapak Pusat Aktiviti Sedia Ada

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Dewan Taman Karak
 Tarikh: 25 Julai 2016

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan kerja di MPB dan MDCH adalah memuaskan. Tindakan proaktif telah diambil setelah mendapat teguran Audit.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan, MPB dan MDCH disyorkan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

4.5.1. Memastikan proses perolehan sentiasa dibuat dengan teratur dan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan serta mengawal tempoh lanjutan masa yang diluluskan dan meneliti setiap alasan yang diberikan oleh kontraktor supaya tempoh penyiapan projek dipatuhi.

4.5.2. Memantau kerja yang dilakukan sepanjang tempoh tanggungan kecacatan serta tidak melepaskan Bon Pelaksanaan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat bagi memastikan kontraktor bertanggungjawab untuk membaik pulih.

4.5.3. Membuat perancangan yang teliti bagi memastikan setiap perolehan yang dibuat dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang ditetapkan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

25 September 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA